

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejarah telah melakarkan tentang kegiatan dalam penulisan dalam kalangan ulama Nusantara dalam pelbagai disiplin ilmu. Hasil karya mereka terdapat dalam tulisan jawi dan lebih dikenali sebagai ‘kitab kuning’. Antara ulama Nusantara yang masyhur ialah Nūr al-Dīn al-Rānirī, Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī dan Jalāl al-Dīn al-Tursānī. Mereka merupakan tokoh ulama dari Aceh. Karya Nūr al-Dīn al-Rānirī yang bertajuk *al-Şirāṭ al-Mustaqīm* dipercayai kitab yang terawal ditulis oleh ulama Nusantara. Ia membicarakan hukum ibadah yang khusus seperti solat, zakat, puasa dan haji.¹

Karya ini ditulis dengan merujuk kitab-kitab fiqh Syafii yang terkenal iaitu *Minhāj al-Ṭālibīn* karya Imam al-Nawawī, *Fatḥ al-Wahhāb* karya Zakariyyā al-Anṣārī dan *al-Mukhtaṣar* karya Ibn Ḥajar.²

Mir’āt al-Ṭullāb fī Tashīl Ma’rifāt al-Aḥkām al-Syarī’ah hasil tulisan Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī yang dihasilkan pada tahun 1672 telah membahaskan persoalan tentang munakaḥāt, mu’āmalat dan farā’id. Di sini nyatalah bahawa kitab ini merupakan pelengkap kepada kitab *al-Şirāṭ al-Mustaqīm* yang hanya membicarakan persoalan ibadah sahaja. Ini menjadi satu perkembangan yang berguna dalam menyempurnakan

¹ Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 127.

² Ismail Hamid, “*Sastera Kitab*,” dalam Zalila Sharif dan Jamaliah Hj. Ahmad (ed) *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993).

tradisi penulisan kitab fiqh tempatan.³ Begitu juga Jalāl al-Dīn al-Tursānī dalam karyanya yang bertajuk *Safīnat al-Hukkām* yang mengupas persoalan al-Qaḍā' dan kehakiman. Antara aspek yang disentuh ialah hukum perdagangan, perkahwinan, jenayah dan pusaka sebagai petunjuk bagi qadhi.⁴

Ulama dari Patani juga tidak kecil sumbangannya terhadap karya fiqh ini. Antaranya ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Patani. Karya beliau amat banyak, tetapi yang khusus membicarakan ilmu fiqh secara terperinci ialah kitab *Furū' al-Masā'il*. Karya ini boleh dikatakan lengkap kerana meliputi aspek ibadah, muamalat, munakahat, jenayah dan berbagai-bagai persoalan yang lain.⁵

Ulama dari Tanah Melayu turut memberikan sumbangan terhadap karya fiqh. Sebagai contoh Abdul Samad Ibn Muhammad Salih (1840-1891) yang dikenali dengan nama Tuan Tabal telah menyumbang karyanya yang bertajuk *Kifāyat al-'Awwām* dan *Hidāyat al-Ta'līm al-'Awwāmī*. Syeikh Muḥammad Idrīs al-Marbāwī⁶ pula menghasilkan karya yang bertajuk *Baḥr al-Māzī*.⁷

³ Auni Hj Abdullah, *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2005), 34.

⁴ Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, 128.

⁵ *Ibid.*, 138.

⁶ Nama sebenarnya ialah Muḥammad Idrīs bin Abd al-Ra'ūf al-Marbāwī dan digelar Idrīs al-Marbāwī kerana al-Marbāwī itu sempena menggunakan nama keturunannya. Allahyarham al-Marbāwī adalah seorang ulama besar yang tidak asing lagi. Kemasyhurannya bukan sahaja di Nusantara malah di Mesir dan Mekah terutamanya dalam bidang bahasa Arab, hadis, tafsir, fekah dan sebagainya. Dipetik dari Mohammad Redzuan Othman, Kertas Kerja pada Seminar Ulamak Dalam Sejarah Perak, pada 9 Julai 1989.

⁷ Beliau sempat menuntut ilmu dengan Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī sebelum pergi ke Mekah. Kemudian semasa di Mekah beliau turut berguru dengan Syeikh Ibrahim al-Kurani, iaitu guru kepada al-Fansūrī. Dipetik dari Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1987-2005M.

Rata-rata penulisan dalam bidang fiqh ini adalah berteraskan mazhab Syafii. Hal ini kerana sumber rujukan mereka adalah diambil daripada ulama mazhab Syafii seperti kitab *al-Şirāṭ al-Mustaqīm*. Sumber rujukannya ialah *Minhāj al-Ṭālibīn*, karangan al-Nawawī dan *Manhāj al-Ṭullāb*, karangan Zakaria al-Ansari.⁸ Tidak dapat dinafikan juga bahawa karya pada masa itu lebih berbentuk karya terjemahan ke dalam bahasa Melayu daripada kitab fiqh klasik yang tersohor pada ketika itu. Hal ini kerana kebanyakan karya itu dihasilkan di Mekah yang menjadi tempat golongan ilmuan Melayu melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Dalam perkembangan penulisan karya fiqh munakahat di Malaysia pada abad ke-20 hingga merdeka, terdapat hanya satu karya yang membincangkan munakahat secara khusus iaitu *Hidāyat al-Nikāh*⁹. Risalah ini ditulis oleh Tuan Hussein pada tahun 1923M¹⁰. Sebuah lagi kitab, iaitu *al-Mu'īn al-Mubīn*, telah diterjemahkan daripada kitab *al-Mu'īn al-Mubīn* (dikekalkan judul kitab) oleh Ahmad Azam dan Syarif Zaini¹¹. Kitab tersebut merangkumi empat jilid dan membincangkan hukum ibadah, muamalat dan munakahat.

Penulisan hukum yang dipelopori oleh para ulama pada abad ke-20 hingga kemerdekaan dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu penulisan bukan khilafiah dan kedua ialah penulisan khilafiah.

⁸ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 30.

⁹ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam*, 70.

¹⁰ Beliau adalah Tuan Hussein bin Muhammad Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari dari Kedah. Dilahirkan pada 20 Jamadil Awal tahun 1280H/1863M di Kampung Titi Gajah, Alor Setar Kedah dan meninggal dunia pada 18 Zulkaedah 1354H/1935M.

¹¹ Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam*, 80.

Penulisan karya bukan khilafiah merujuk kepada penulisan yang hanya bertaqlid satu-satu mazhab yang *muktabar* seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali. Luqman Abdullah (2010)¹² menyebut takrif perkataan bermazhab menurut pandangan Sa'īd Ramaḍān al-Būfī iaitu bahawa seseorang awam atau orang yang tidak sampai ke tahap mujtahid berpegang atau mengikut (taqlid) mana-mana aliran imam mujtahid sama ada dia berpegang dengan seorang mujtahid sahaja atau berpindah-pindah antara satu mujtahid ke mujtahid yang lain dalam ikutannya itu.

Mazhab Syafii sudah lama bertapak di seluruh pelusuk Nusantara, termasuklah Malaysia. Jadi penulisan karya hanya menekankan cara dan metode Imam Syafii. Ini menjadikan pemikiran masyarakat hanya bertaqlid kepada mazhab Syafii. Sebenarnya perkara ini merupakan lanjutan atau kesinambungan kepada penulisan para ulama pada abad yang terdahulu. Perbezaan antara penulisan selepas merdeka dengan penulisan yang sebelumnya ialah penulisan pada waktu itu dibuat dengan menggunakan teknik dan bahasa yang lebih mudah, sesuai dengan perkembangan masyarakat dan penggunaan bahasa Melayu pada waktu itu supaya mudah diterima dan difahami oleh masyarakat.

Ini dapat diperhatikan pada prakata yang diperkatakan oleh Haji Sulaiman bin Haji Abdul Rahman terhadap hasil karya Haji Ahmad Mahir, yang menjelaskan bahawa

¹² Luqman Haji Abdullah, "*Isu-isu Mazhab dan Khilafiyah di Malaysia*". Beliau membentangkan kertas kerja di Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II (PEMIKIRII), 20-22 Julai 2010.

buku tersebut adalah karya al-Marhum Sahib al-Fadilah al-Haj Ahmad Mahir dan telah disusun dengan susunan yang kemas dan jelas untuk dibaca oleh orang Islam”.¹³

Bermula dari situlah, masalah khilafiah telah timbul hasil daripada gerakan Islah yang berlaku di Makkah, Mesir dan India pada masa-masa peralihan abad ke-19 dan ke-20. Aliran mazhab Syafii khususnya dalam bidang perundangan Islam mula tergugat pada awal abad ke-20¹⁴.

Abdul Halim El-Muhammady menyatakan¹⁵ bahawa gerakan Islah di Mesir, ajaran Wahabiyyah di Saudi Arabia dan ajaran Syeikh Wali Allah al-Dihlawi, mendapat perhatian dalam kalangan setengah pelajar-pelajar Malaysia. Mereka cuba menyebarkan fahaman baru ini kepada masyarakat apabila kembali ke tanah air.

Penulisan khilafiah di Tanah Melayu pula bermula sekitar tahun 1925-an berdasarkan penemuan manuskrip yang ditulis oleh Haji Wan Musa bin Wan Abdul Samad yang bertajuk *Risālah Ma'nā Niat*. Berdasarkan pandangan Abdul Kadir (1996).¹⁶ Namun pandangan itu ditolak oleh penulis¹⁷ yang menyatakan bahawa *Risālah al-Imam*lah yang merupakan penulisan terawal yang telah diterbitkan iaitu pada tahun

¹³ Ahmad Mahir Haji Ismail, Haji 1979, “*Suluhan Awam Memperkatakan Fardhu Ain dan Ibadat (jawi)*”, dalam Abdul Kadir Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 66.

¹⁴ Abdul Halim El-Muhammady, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1986), 31.

¹⁵ Abdul Halim El-Muhammady, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh*, 33.

¹⁶ Dilihat dalam Mohammad Amin Abu Bakar et al., “*Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin (1860-1965) Terhadap Perkembangan Fiqh di Nusantara*”, Prosiding Nadwah Ulamak Nusantara (NUN) IV: Ulamak Pemacu Transformasi Negara, 274.

¹⁷ *Ibid.*, 274.

1906-1908 yang telah banyak memaparkan tulisan berbentuk *ikhtilāf*, contohnya *al-Imam* keluaran 17 November 1906, halaman 150 di dalam ruangan soal jawab telah menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh pembaca daripada Padang Panjang Sumatera Barat iaitu Tuan Haji Abdullah bin Haji Ahmad. Beliau bertanya mengenai majlis maulud. Pendirian *al-Imam* telah bertentangan dengan amalan yang sedia diamalkan oleh ulama tradisional. Pendirian *al-Imam* adalah tiada satu hadis pun yang sahih yang dapat menjadi sandaran kepada amalan mengadakan majlis maulud tersebut.

Sebenarnya Imam Syafii (150-204H/767-819M) telah memasukkan tajuk khusus tentang masalah tersebut dalam bukunya *al-Risālah* dengan tajuk "*Ikhtilāf*". Beliau membahagikan *ikhtilāf* itu kepada dua bahagian; *ikhtilāf* yang diharamkan dan *ikhtilāf* yang diharuskan. *Ikhtilāf* yang diharamkan ialah *ikhtilāf* tentang sesuatu perkara yang hukumnya telah dinyatakan dengan jelas, sama ada di dalam al-Quran atau al-Sunnah. Manakala yang diharuskan pula ialah *ikhtilāf* tentang perkara yang tidak jelas hukumnya.

Masalah khilafiah ini berpunca daripada pandangan yang tidak sama tentang sumber-sumber hukum pada masalah tertentu. Perbezaan ini terjadi kerana:

1. Perbezaan memberi keutamaan kepada sumber-sumber hukum yang diakui.
2. Perbezaan mentafsir sumber yang sama.

3. Perbezaan memberi keutamaan dalam menggunakan dalil daripada sumber hukum yang sama.¹⁸

Dengan ini ternyata kesan pendidikan yang diterima secara langsung dari negeri-negeri di Timur Tengah dan India pada permulaan abad ke-20 serta penyebaran majalah dari Mesir seperti *al-Manar* ke Gugusan Kepulauan Melayu dan penerbitan majalah tempatan seperti *al-Imam* telah memberi impak yang besar terhadap kelahiran karya khilafiah khususnya dalam bidang perundangan. Maka berlakulah pertembungan dengan tradisi tempatan.

Masalah-masalah khilafiah yang pada mulanya membincangkan secara lisan telah dilanjutkan penyebarannya dalam bentuk tulisan. Oleh itu, timbullah bentuk penulisan baharu dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu yang boleh dinamakan karya khilafiah dalam perundangan Islam.

Kesimpulannya, karya-karya khilafiah banyak menjurus kepada hukum ibadah seperti persoalan niat, qunut, tahlil arwah, maulid Nabi, talqin dan sebagainya berbanding dengan persoalan munakahat, muamalat dan jinayat. Karya yang membicarakan fiqh munakahat sangat terbatas, bahkan banyak diperbincangkan bersama dalam fiqh ibadah. Namun tidak dinafikan bahawa aliran pemikiran sangat mempengaruhi corak penulisan pada sesuatu masa. Maka didapati penulisan hukum di Malaysia sebelum merdeka, terutamanya dalam ibadah khusus seperti solat, zakat dan haji berlatar belakangkan aliran mazhab Syafii sahaja.

¹⁸ Untuk mendapat keterangan lanjut, sila lihat Abdul Halim El-Muhammady, *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh*, 27.

Kemudian berlaku reformasi pemikiran dalam pembentukan hukum selepas merdeka. Lahirnya golongan reformis yang mula mencabar pandangan aliran satu mazhab ini. Begitu juga yang terjadi dalam persoalan munakahat. Keadaan semasa telah mengubah cara pemahaman sesuatu isu dan ini melahirkan kepelbagaian pendapat seperti dalam isu perkahwinan *misyār*,¹⁹ yang pernah menggemparkan negara pada sekitar tahun 2006. Pandangan tentang keharusan *misyār* telah dipertikaikan oleh beberapa pihak seperti Sister In Islam (SIS) dan Jamaah Islah Malaysia (JIM), kerana menurut mereka jenis perkahwinan itu menzalimi dan merendahkan martabat kaum wanita. Oleh sebab itulah sesuatu hukum itu seharusnya dilihat dan dianalisis mengikut kerangka masyarakat setempat.

1.2 MASALAH KAJIAN

Lambakan buku agama di kedai-kedai buku di Malaysia merangkumi beberapa bidang, antaranya yang berkaitan dengan ibadah khusus seperti persoalan solat, puasa, zakat dan haji. Namun penerbitan dalam bidang munakahat agak terbatas. Hamed Mohd Adnan (2006)²⁰ menyatakan 90% adalah daripada Indonesia sama ada yang telah diubah suai atau dicetak semula. Beliau seterusnya mengatakan:

¹⁹ *Misyār* berasal daripada perkataan arab *sarā*, *sirā*, *sīrah*, *tasāyarā*, *masār* dan juga *maysarah*, namun perkataan *Misyār* sebenarnya satu perkataan dari bahasa dialek atau loghat (bahasa 'ammiyyah) bermaksud perjalanan dan tidak tinggal lama di sesuatu tempat, dari sudut terminologinya ia adalah perkahwinan di mana pengantin lelaki tinggal dirumah pengantin perempuan tetapi sebaliknya pengantin perempuan tidak pula berpindah ke rumah pengantin lelaki. Ia selalunya berlaku ke atas isteri kedua kerana si lelaki mempunyai isteri lain (isteri pertama) yang tinggal dirumah si lelaki tersebut dan menerima nafkah daripada lelaki tersebut. (lihat Yūsuf al-Qaraḍawī, Ḥawl Zawāj al-Misyār, *Majallah al-Mujtama' al-Kuwaytiyyah*, bil 1301, 26/5/1977, 31.

²⁰ Hamed Mohd Adnan, "Kedudukan Malaysia dalam Peta Penerbitan," *Utusan Malaysia*, 5 Februari 2006.

“Kita masih jauh di bahu negara-negara lapisan kedua dalam penerbitan-China, Korea, Belanda, India, Australia, negara-negara Scandinavia dan lain-lain. Kita terpesorok di bawah sana, bersama-sama negara seperti Burundi, Maldives, Somalia dan lain-lain yang sebahagiannya cukup mengagumi kita kerana pencapaian ekonomi negara yang lebih baik daripada mereka.”²¹

Petikan di atas jelas menunjukkan betapa industri penerbitan di Malaysia masih di tahap yang rendah walaupun kedudukan ekonomi Malaysia adalah lebih baik daripada negara Asia yang lain. Buktinya penerbitan buku di Malaysia secara purata sebanyak 5,000 naskhah setahun berbanding dengan negara seperti Jepun dan Korea yang menerbitkan 65,000 naskhah setahun. Jumlah ini teramat kecil jika dibandingkan dengan negara-negara Eropah yang menerbitkan 80,000 naskhah setahun.²²

Keadaan yang sama juga berlaku pada karya fiqh munakahat yang berada di pasaran. Karya-karya tersebut turut berperanan dalam membentuk corak pemahaman dan pemikiran terhadap fiqh munakahat yang sentiasa berkembang.

Aliran pemikiran dalam penulisan fiqh munakahat ini sentiasa berkembang. Dan berlaku pertembungan antara golongan *tradisionalisme* dan *reformisme*²³. Meneliti

²¹ *Ibid.*

²² Noraini Abdul Razak, “Musa: Penerbitan Buku Ilmiah Kurang,” *Utusan Malaysia*, 26 Mei 2001.

²³ *Tradisionalisme* merujuk kepada pengertian konservatif atau mempertahankan yang lama. Sesuai dengan pengertian tersebut, *tradisionalisme* melihat sejarah sebagai sumber inspirasi atau sesuatu yang harus dipertahankan. Kerana itu para pendukungnya dikatakan bersikap negatif terhadap perubahan dan pembaharuan. Pada dasarnya taqlid dan pembekuan ijtihad terjadi dalam fiqh dengan merujuk karya para ulama mazhabiyah atau sikap taqlid kepada mereka, bukan karya atau pemikiran para imam mujtahid itu sendiri. Karya-karya ini muncul dalam bentuk *syarah*, *hasyiah* atau *hāmisy* yang kandungannya lebih sulit difahami daripada kitab-kitab induk. *Reformisme* pula merujuk kepada *puritanisme* iaitu penekanan kepada ajaran Islam yang murni. Bertolak dari semangat *puritanisme* ini, aliran reformisme sangat menekankan *Iṣlāḥ* dan *Tajdīd*. *Iṣlāḥ* bermaksud memperbaiki atau

sejarah perkembangan hukum di Malaysia, iaitu sebelum kemerdekaan, aliran pemikiran *tradisionalisme* adalah dominan dan menguasai alam Melayu. Kemudian pada zaman pasca kemerdekaan, aliran pemikiran *reformisme* pula muncul. Karya yang dihasilkan pada masa itu tidak lagi bersandar Mazhab Syafii secara mutlak tetapi dibuka perbincangan untuk memahami aliran mazhab yang lain.

Dalam perkembangan terkini, kita dapat menyaksikan tersebar luasnya buku fiqh kontemporari sama ada dalam bentuk terjemahan kitab dari Timur Tengah (karya Yūsuf al-Qaraḍāwī, Sayyid Sābiq, Wahbah al-Zuhaylī, Muḥammad al-Ghazzalī dan sebagainya) ataupun karya ulama tempatan sendiri. Buku-buku ini mengupas pelbagai isu penting yang membabitkan persoalan amali masyarakat dan mudah didapati di kebanyakan kedai buku kecil atau besar.²⁴

Melihat kepada permasalahan di atas, maka pengkaji memberi penekanan dan fokus kepada karya-karya fiqh munakahat yang diterbitkan di Malaysia dalam tempoh 10 tahun, iaitu dari tahun 1998 hingga 2008. Pengkaji ingin menganalisis kedudukan karya fiqh munakahat di Malaysia dalam tempoh satu dekad ini, yakni adakah aliran

membersihkan Islam dari pemalsuan dan penyelewngan. *Tajdīd* pula memperbaharui atau menyegarkan kembali kefahaman dan komitmen terhadap ajaran-ajaran agama sesuai dengan tuntutan zaman. Ia berkait rapat dengan *ijtihād* iaitu satu usaha yang serius untuk menyimpulkan hukum-hukum syarak berlandaskan kaedah tertentu dalam menghadapi persoalan-persoalan baru yang tidak jelas hukumnya dalam nas al-Quran dan Sunnah atau Ijmak ulama. Dalam konteks inilah timbul perbezaan antara Reformisme dan Tradisionalisme kerana aliran Reformisme menentang taqlid dan menggalakkan ijtihad dalam menghadapi persoalan-persoalan kontemporari. Lihat dalam Abdul Rahman Hj Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, 16-17.

²⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Konsep Fiqah Malaysia Dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan". *Kajian Malaysia* 28, No. 2, 2010.

mazhab Syafii masih dominan atau adakah aliran pemikiran yang lain telah menyerap masuk ke dalam penulisan karya yang akan dikaji.

1.3 PERSOALAN KAJIAN:

1. Berapakah jumlah karya fiqh munakahat di Malaysia yang bersifat ilmiah dan popular?
2. Apakah tema yang terdapat dalam karya-karya fiqh munakahat?
3. Apakah pendekatan aliran pemikiran yang terdapat dalam karya-karya fiqh munakahat?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji meletakkan beberapa objektif kajian. Di antara objektif tersebut adalah:

1. Mengklasifikasikan jumlah karya fiqh munakahat di Malaysia yang bersifat ilmiah dan popular.
2. Menganalisis tema yang terdapat dalam karya-karya fiqh munakahat.
3. Menganalisis pendekatan aliran pemikiran yang terdapat dalam karya-karya fiqh munakahat.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah berasaskan objektif kajian. Dapatan kajian bagi objektif yang pertama adalah bertujuan untuk menghimpunkan dan mengklasifikasikan karya-karya fiqh munakahat yang diterbitkan di Malaysia tahun 1998 hingga 2008 tersebut kepada karya ilmiah dan popular.

Setelah pengkaji mendapati kecenderungan pembaca terhadap karya fiqh munakahat sama ada ilmiah atau popular, maka pengkaji dapat memberi maklumat dan panduan kepada penulis karya fiqh munakahat agar penulisan mereka berdasarkan kecenderungan pembaca.

Kepentingan kedua ialah mengenai tema penulisan dalam karya-karya fiqh munakahat. Pemilihan tema dalam menulis karya-karya fiqh munakahat oleh para penulis menunjukkan tema tersebut berkaitan dengan situasi semasa dalam hal perkahwinan. Justeru dapatan kajian berkenaan dengan tema yang paling banyak ditulis oleh para penulis, ianya dapat memberi maklumat agar mereka meneruskan penulisan yang membincangkan dan memberi beberapa panduan kepada pembaca mengenai isu-isu semasa berkaitan dengan perkahwinan.

Seterusnya kepentingan kajian yang ketiga ialah mengenal pasti aliran pemikiran penulis dalam penulisan karya-karya fiqh munakahat. Dapatan kajian ini amat penting kerana dapat memberi maklumat kepada beberapa pihak seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), penerbit, perpustakaan

setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Hal ini kerana pengetahuan mengenai aliran pemikiran yang tidak selari dengan pendekatan bermazhab Syafii boleh memberi kesan keclaruan kefahaman masyarakat yang tidak mempunyai asas agama Islam. Oleh itu, pihak yang dinyatakan sebelum ini sepatutnya memastikan karya yang bertentangan dengan aliran pemikiran mazhab Syafii tidak diterbitkan supaya karya-karya tersebut tidak tersebar dalam kalangan masyarakat.

Tidak dinafikan bahawa penerbit juga dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan tentang tajuk-tajuk yang telah ditulis oleh penulis karya fiqh munakahat kemudian dapat menghasilkan penulisan yang lebih bermutu dalam bidang ini dan mampu menarik minat masyarakat untuk mendalami bidang berkenaan.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya membicarakan tentang penulisan karya fiqh munakahat yang dihasilkan dalam tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 1998 hingga 2008. Tempoh berkenaan dipilih kerana banyaknya polemik yang terjadi dalam masyarakat dan menimbulkan pelbagai perbincangan seperti kes-kes yang berkaitan dengan kekeluargaan seperti perceraian, hak penjagaan anak, penderaan dan sebagainya lagi didedahkan di dada-dada akhbar. Dalam hal ini pengkaji mengandaikan bahawa dalam tempoh tersebut ramai penulis dan penerbit yang mengulas isu-isu yang berkenaan. Seterusnya pengkaji membataskan kajian ini untuk meneliti tema-tema yang terdapat dalam penulisan karya-karya fiqh munakahat. Begitu juga pengkaji akan meneliti perkembangan aliran pemikiran semasa dalam penulisan fiqh munakahat.

7.0 KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji berkenaan karya-karya fiqh mahupun karya-karya yang bukan fiqh dan metodologi penulisan mereka sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji dalam kajian dan penulisan berkaitan karya-karya fiqh munakahat ini. Antara disertasi yang telah dikaji ialah Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia²⁵. Disertasi ini telah dikaji oleh Abd Kadir Haji Muhammad pada tahun 1989. Dalam kajian tersebut, beliau telah mengkaji perkembangan penulisan hukum Islam di Malaysia semenjak Negara ini mula menerima Islam sehingga ianya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Kajian beliau menyentuh aspek penulisan kesusasteraan dan aspek penulisan undang-undang. Beliau telah menjelaskan penulisan undang-undang terlebih dahulu berbanding dengan penulisan yang berorientasikan kesusasteraan.²⁶ Kesimpulannya, kajian beliau ini hanya menjelaskan sejarah perkembangan penulisan yang bercorak kesusasteraan dan penulisan bercorak perundangan. Kajian beliau terlalu luas perbahasannya dan hanya menumpukan karya-karya hukum sebelum merdeka.

Manakala kajian mengenai penulisan karya-karya fiqh yang dimuatkan di dalam jurnal seperti satu artikel yang terdapat dalam Jurnal Syariah pada tahun 1993 yang bertajuk *Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam Di Nusantara* oleh Abd. Jalil bin Hj. Borhan²⁷. Beliau telah menyentuh tentang perkembangan ilmu fiqh di Nusantara. Di dalam kajian, beliau telah menyenaraikan beberapa kitab terawal yang

²⁵ Abdul Kadir Hj. Muhammad, "Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia", (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1989).

²⁶ *Ibid.*, viii.

²⁷ Abd. Jalil Hj. Borhan, "*Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam Di Nusantara*", *Jurnal Syariah* (1993), 146.

telah ditulis di Nusantara termasuk karya yang paling awal iaitu kitab *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* hasil karya Syeikh Nūr al-Dīn al-Ranīrī, kitab ini ditulis dalam Bahasa Melayu dan dianggap sebuah kitab perundangan Islam yang berautoriti pada zaman tradisi hingga beberapa zaman terkemudian²⁸. Kajian ini hanya memiliki 5 muka surat sahaja, ini bermakna ia boleh dikatakan kajian kecil yang mendedahkan penulisan-penulisan hukum Islam awal di Nusantara termasuk Tanah Melayu.

Selain itu, terdapat juga artikel dalam Jurnal Syariah yang dihasilkan oleh Mohd Kamil Hj. Ab Majid bertajuk *Sejarah Perkembangan Penulisan Hukum Islam Di Malaysia: Tumpuan Khusus Di Negeri Kelantan*²⁹. Di dalam kajian ini beliau menjelaskan sejarah awal penulisan di Kelantan tentang karya-karya Islam. Menerusi kajian ini, beliau telah menyenaraikan pengarang yang terkenal iaitu Tuan Tabal yang mengarang kitab *Minhāt al-Qarīb* pada akhir abad 19 masihi. Kajian ini sekadar mengisahkan penglibatan ulama, intelektual Islam dan penulis dari Kelantan dalam penulisan.

Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Mohd Anuar Ramli juga membuat kajian mengenai analisis perkembangan mazhab Syafii pada tahun 2007 yang bertajuk *Mazhab Syafi'i Dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis*³⁰. Dalam kajian tersebut ada menyatakan bahawa kaedah pengajian syariah di zaman tradisi klasik di Alam

²⁸ Shafi'i Abu Bakar, *Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara: Dalam Konteks Perkembangan Keilmuan Islam Nusantara Tradisi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977), 573.

²⁹ Mohd Kamil Hj. Ab Majid, "Sejarah Perkembangan Hukum Islam Di Malaysia Tumpuan Khusus Di Negeri Kelantan", *Jurnal Syariah* (1993), 146.

³⁰ Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Mohd Anuar Ramli, "Mazhab Syafi'i Dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis", *Jurnal Fiqh* (2007), 53.

Melayu menggunakan metodologi penulisan karya fiqh kitab jawi yang sederhana. Karya-karya tersebut adalah bersesuaian dengan metodologi taqlid masyarakat Melayu pada waktu itu. Hasil kajian tersebut juga menyatakan bahawa penulisan karya fiqh lebih merupakan saduran dan terjemahan dari kitab asal zaman taqlid. Kitab jawi telah menggunakan kitab *turāth* era taqlid yang lebih awal sebagai sumber rujukan utama tanpa mempedulikan sumber rujukan yang asal iaitu al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Selain itu, terdapat juga artikel dalam jurnal yang dihasilkan oleh Raihanah Abdullah dan Asmak Ab. Rahman bertajuk *Fifteen Years of Jurnal Syariah (1993-2007): A Bibliometric Study*. Kajian ini membentangkan hasil analisis Jurnal Syariah di Malaysia bagi tempoh 1993 sehingga 2007.

Terdapat juga sebuah tulisan yang bertajuk *Kesusasteraan Melayu Tradisional*³¹ yang menyentuh hasil sastera Melayu tradisional di seluruh Nusantara. Tulisan ini mengkhususkan satu tajuk iaitu sastera kitab yang di dalamnya terdapat kajian berbentuk sejarah karya-karya fiqh di Nusantara. Manakala Mustafa Abdullah telah menulis mengenai penulisan karya-karya tafsir di Malaysia yang bertajuk *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Secara umumnya penulis buku ini merungkaikan persoalan mengenai perkembangan tafsir dan pengajiannya di Malaysia. Selain itu, buku ini membongkar dan mendokumentasikan fakta-fakta berkaitan sejarah tokoh-tokoh serta penulisan karya-karya tafsir yang pernah dihasilkan oleh *mufassir* di Malaysia.³²

³¹ Harun Mat Piah *et al.*, *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

³² Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).

Perbincangan di atas telah memberi suatu gambaran bahawa kajian terhadap penulisan karya dalam bidang fiqh munakahat tidak dibuat kajian secara khusus sama ada diperingkat PhD, Sarjana atau Sarjana Muda. Secara khususnya kajian tentang karya-karya fiqh munakahat di Malaysia dari 1998 sehingga 2008.

Sehubungan dengan itu, pengkaji akan melakukan kajian secara ilmiah yang mendalam terhadap karya-karya fiqh munakahat di Malaysia sepanjang tahun 1998 sehingga 2008. Pengkaji merasakan amat wajar kajian secara terperinci dijalankan terhadap karya-karya tersebut.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Dalam membahaskan tajuk ini, pengkaji akan menggunakan beberapa metode untuk memberi gambaran yang jelas tentang persoalan yang dikaji:

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Kajian ini adalah kajian perpustakaan. Oleh itu, penulis akan mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan penulisan tentang karya fiqh munakahat. Data-data yang pengkaji kumpulkan adalah melalui proses pencarian melalui disertasi, jurnal, artikel, kertas kerja, buku dan rencana di perpustakaan pusat-pusat pengajian tinggi seperti Perpustakaan Zaaba, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Utama di Universiti Malaya. Selain itu, pengkaji juga mencari data-data tersebut di

Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Negara. Pengkaji juga meneliti maklumat-maklumat mengenai dengan kajian ini di kedai-kedai buku di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Pengkaji juga turut melayari laman sesawang untuk mengumpul maklumat tambahan.

1.8.2 Metode Analisis Data

Pengkaji membahagikan proses analisis data-data yang telah berjaya dikumpul kepada dua peringkat, iaitu pengkaji akan mengumpul segala karya fiqh munakahat dari tahun 1998 hingga 2008. Kemudian mengklasifikasikan karya tersebut mengikut tahun. Peringkat kedua pengkaji akan menganalisis menerusi metode kualitatif dan kuantitatif.

Kajian yang berbentuk kualitatif bermaksud ia mengkaji keaslian dan autoriti karya-karya fiqh munakahat yang dihasilkan. Kemudian kuantitatif pula bermaksud ia mengkaji jumlah karya fiqh munakahat yang terhasil sepanjang tempoh kajian. Kajian ini juga menekankan analisis kandungan (*content analysis*). Pada setiap karya pengkaji akan menganalisis bentuk penulisannya untuk mengklasifikasikan antara bahan ilmiah atau popular. Kemudian pengkaji akan menentukan tema penulisan dalam setiap karya yang dihasilkan. Seterusnya menganalisa bentuk aliran pemikiran yang terdapat dalam karya yang dikaji.

BAB 2

SEJARAH PENERBITAN BUKU-BUKU AGAMA DI MALAYSIA

2.1 PENDAHULUAN

Gerakan penerbitan buku di Malaysia, boleh dianggap sebagai satu bidang yang baru. Penerbitan buku bahasa Melayu hanya dimulakan pada abad ke-19, iaitu apabila semakin ramai orang tempatan di negara ini dapat menguasai tulisan jawi.³³ Kebanyakan penulis atau pengarangnya terdiri daripada kalangan pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran di Timur Tengah.

Antara pengarang atau penulis yang *prolifik* dalam penulisan pada waktu itu ialah ulama Patani seperti Syeikh Abdullah al-Patani, Ahmad b. Muhammad Zin al-Patani, Muhammad Zin b. Mustafa al-Patani, Muhammad b. Ismail Daud al-Patani dan Zainal Abidin al-Patani. Rata-rata penulisan mereka meliputi pelbagai bidang. Antaranya isu ketuhanan dan tauhid, tasawwuf, ibadah dan subjek-subjek lain dalam pengajian Islam³⁴.

Menurut Md. Sidin (1998), penerbitan buku di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 pula dapat dibahagikan kepada empat kategori³⁵:

³³ Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996), 19.

³⁴ Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 115-116.

³⁵ *Ibid.*, 179.

- a. Penerbitan Swasta Bumiputera - Di mana mereka turut terlibat dalam penerbitan buku-buku agama seperti Penerbitan Pesama Press, Ahmadiyah Press dan Aman Press.
- b. Penerbitan Swasta Bukan Bumiputra - Penerbit ini lebih menjurus kepada penerbitan buku-buku missionari Kristian.
- c. Penerbitan Persatuan - Penerbit ini berbentuk persatuan yang ditubuhkan di institusi pendidikan yang bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan agama Islam. Antara persatuan yang memainkan peranan penting dalam penerbitan ini ialah Madrasah al-Masyhur dan Kuliyyah al-Attas.
- d. Penerbitan Kerajaan - Menjalankan penerbitan risalah atau warta kerajaan bentuk rasmi. Penerbitan kerajaan yang aktif dalam menjalankan penerbitan berbentuk agama Islam ialah Matba‘ah Majlis Agama Islam Kelantan yang diasaskan pada tahun 1917, iaitu menerbitkan bahan pengajaran dan buku pendidikan di peringkat sekolah.

Penerbitan merupakan satu elemen yang penting sebagai wadah penyampai ilmu yang berkesan. Ia lebih tahan lama, berbanding dengan syarahan. Selaras dengan itu, maka satu garis panduan tentang keperluan negara dan langkah untuk mencapai matlamat “Masyarakat Berilmu”, satu dasar Buku Negara telah dilancarkan pada tahun 1994. Matlamat umum dasar ini adalah³⁶:

³⁶ Hamed Mohd Adnan, *Pengantar Penerbitan Buku* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media UM, 1997), 42.

- a. Memastikan supaya buku dalam bahasa Melayu dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai alat pembangunan pemikiran, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan keperluan dan cita-cita negara.
- b. Memastikan supaya buku dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat di negara ini.
- c. Memastikan supaya rakyat di negara ini mempunyai minat membaca yang tinggi dan menjelang tahun 2000, masyarakat Malaysia boleh dianggap seratus peratus masyarakat yang membaca; dan
- d. Memastikan supaya buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik dari segi isi dan juga dari segi bentuk fizikalnya.

Dasar tersebut telah berjalan lebih sedekad yang lalu, namun apakah niat murni kerajaan untuk menghasilkan masyarakat yang berilmu sudah mencapai sasarannya? Budaya membaca buku dan penerbitan buku saling berkait antara satu sama lain. Bagi pihak penerbit, bukan sahaja kualiti dalam penulisan yang perlu diberikan perhatian. Tetapi yang penting ialah strategi pemasaran. Begitu juga para pembaca, sudah pasti mencari buku yang berkualiti dan berfaedah kepada mereka.

Hamed Adnan menyatakan³⁷:

“Bidang penerbitan buku di negara ini baru berkembang sejak beberapa tahun. Kesedaran tentang betapa pentingnya buku sebagai alat pembangunan minda dan fizikal rakyat di negara ini tidaklah meluas. Kesedaran yang kurang ditambah pula dengan sikap kurang atau malas membaca yang turut mempengaruhi perkembangan penerbitan dan seterusnya pemasaran buku.”

2.2 PERANAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah sebuah badan berkanun kerajaan³⁸ yang telah ditubuhkan mengikut Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 di Johor Bharu pada 1 Ogos 1959. DBP telah diberikan kuasa untuk menggubal dasar-dasarnya yang khusus disamping menyusun sebuah rancangan pembinaan atau pengembangan bahasa dan sastra menurut kebijaksanaan pihak pengurusannya sendiri. Di samping itu, DBP juga menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara lebih bersaing menurut prinsip dan amalan perusahaan secara profesion penerbitan yang sentiasa berkembang.³⁹

DBP sering kali dikaitkan dengan penerbitan buku teks sekolah dan buku sokongan yang mendominasi hampir 70% industri negara.⁴⁰ Ini menunjukkan bahawa industri penerbitan di Malaysia terlalu bergantung kepada DBP berbanding percetakan-percetakan yang lain.

³⁷ Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996), 20.

³⁸ Sebelumnya adalah sebuah jabatan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1956.

³⁹ *Ibid.*, 43.

⁴⁰ Johan Jaafar, “Jangan Biarkan DBP Sendirian Terbitkan Buku”, *Berita Minggu*, 12 Mac 2006, 17.

DBP yang sebelum ini diberi monopoli dalam penerbitan buku teks, telah menyerahkan tanggungjawab kepada para penerbit swasta. Pada masa yang sama, bilangan masyarakat Malaysia yang berminat terhadap pembacaan semakin bertambah walaupun pertambahan dalam pembelian buku agak lembab.

Dalam masa tujuh tahun (1988-1994), sebanyak 26,232 judul buku dalam pelbagai bidang telah diterbitkan di negara ini. Daripada jumlah itu, 25% adalah dalam bidang kesusasteraan 17% dalam bidang bahasa dan 9% sahaja dalam bidang agama Islam⁴¹. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah judul buku terbitan DBP mengikut bidang ilmu sejak tahun 1956.

Jadual 1: Judul Buku Penerbitan DBP Mengikut Bidang 1956-1991.

Tahun Bidang	1956 - 1959	1960 - 1969	1970 - 1979	1980 - 1989	1990 - 1991	Jumlah
Kesusasteraan	11	87	303	706	178	1,285
Bahasa	9	59	103	187	66	424
Sains Sosial	4	25	83	260	138	510
Sains Tulen	4	45	90	215	83	437
Sains Gunaan	1	17	40	182	85	325
Geografi/Sejarah	2	59	73	87	22	243
Agama	-	2	30	79	46	157
Am	-	1	1	9	8	19
Kesenian	-	7	15	37	8	67
Falsafah	1	11	44	62	11	129
Jumlah	32	313	782	1,824	645	3,596

Sumber: Hamed Mohd Adnan (1996), *Penerbitan dan Pemasaran Buku Di Malaysia*, 51.

⁴¹ Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, 42.

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa buku agama yang diterbitkan oleh DBP masih terlalu sedikit. Bayangkan sepanjang tempoh 35 tahun (1956-1991), hanya 157 sahaja buku agama yang telah diterbitkan. Namun begitu lambakan buku-buku agama di Malaysia sebenarnya datang daripada penerbit Indonesia. Hamed Mohd Adnan menulis dalam Utusan Melayu yang bertajuk “*Kedudukan Malaysia dalam Peta Penerbitan*” pada 5 Februari 2006, menyatakan bahawa bidang penerbitan di Malaysia banyak bergantung kepada sumber dari Indonesia di mana hampir 30% adalah bersumberkan Indonesia, sementara bagi buku-buku agama, 90% adalah dari Indonesia yang telah diubah suai dan dicetak semula.

2.3 MASALAH PENERBITAN BUKU DI MALAYSIA

Menurut statistik, penerbitan buku di Malaysia tidak melebihi 10,000 judul setahun. Ini menjadikan Malaysia ketinggalan jauh berbanding negara-negara lain. Sekiranya dibandingkan dengan Korea dan Jepun, kita masih ketinggalan. Begitu juga dengan Taiwan yang mempunyai rakyat yang lebih kurang sama dengan Malaysia sebanyak 26 juta orang, mereka mampu menerbitkan sebanyak 30,000 judul setahun. Melihat pada kekurangan kadar penerbitan buku, maka punca kemunduran dan inisiatif memperkasa industri penerbitan buku di Malaysia harus di usahakan bersama.

Terdapat beberapa punca utama yang menjadi penyebab kemunduran industri penerbitan di Malaysia. Antaranya⁴²:

⁴² Iffa Izyan, “*Realiti Industri Penerbitan Buku Di Malaysia*”, dalam blog: iffaizyanblogspot.com, 2009.

1. Terlalu sedikit bilangan buku penting diterbitkan untuk bacaan umum, dan isu profesionalisme masih menjadi persoalan utama dalam industri penerbitan buku di Malaysia. Hal ini termasuk, saiz syarikat penerbitan yang kecil dan masih menumpukan perhatian kepada penerbitan buku teks atau penerbitan berorientasikan peperiksaan yang bersifat komersil semata-mata.

Syarikat-syarikat penerbitan kecil sebagai contoh terpaksa menerbitkan buku secara bertahap dan terhad jumlah pengeluarannya semata-mata untuk menjaga kos penerbitan. Syarikat-syarikat ini tidak sanggup menanggung risiko kerugian sekiranya buku yang diterbitkan tidak terjual di pasaran. Lantaran itu, mereka memilih untuk menerbitkan buku-buku yang bersifat komersil semata-mata. Permasalahan inilah yang menyebabkan industri penerbitan buku di negara ini tidak berkembang dan terus mundur.

2. Kelembapan industri buku ini juga berlaku disebabkan kurangnya budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia itu sendiri.⁴³ Misalnya, ketika Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang sering berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, didapati kepedulian masyarakat Malaysia terhadap amalan membaca ini hanya pada sebilangan kecil masyarakat sahaja.

Bilangan pengunjung yang melawat pameran ini merupakan salah satu indikator bahawa masyarakat Malaysia kurang dekat dengan buku. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana kehebatan pameran buku berkala antarabangsa ini tidak seimbang jumlah yang hadir. Di sini timbul persoalan tentang kekurangan promosi

⁴³ Mohd Zubil Bahak, "Pelajar Kurang Pendedahan Terhadap Kemahiran Membaca", *Dewan Masyarakat*, Ogos 1997, 14-15.

untuk menarik orang ramai ke pameran tersebut, ataupun benarlah bahawa masyarakat Malaysia sememangnya belum berbudaya dengan amalan membaca.

Kurangnya amalan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia inilah yang menyebabkan industri penerbitan buku negara tidak berkembang. Syarikat penerbitan mengehendkan jumlah cetakan buku syarikat masing-masing kerana tidak mahu buku terbitan mereka berlambakan di pasaran dan tidak laku. Lantaran itu masyarakat tidak mencintai buku. Tanpa sokongan daripada anggota masyarakat, nasib industri penerbitan buku di negara kita akan terus malap.⁴⁴

3. Harga buku yang mahal pula dikatakan penyebab kepada lambakan buku di pasaran. Soal harga itu juga menjadi halangan kepada orang ramai untuk membudayakan amalan membaca. Hal ini menyulitkan pengurusan syarikat penerbitan, khususnya syarikat-syarikat penerbitan kecil yang beroperasi secara tradisional. Di samping memiliki kakitangan yang kurang pendedahan terhadap pengurusan, proses penerbitan di syarikat-syarikat penerbitan kecil ini juga tidak berteraskan teknologi moden.

Permasalahan dari segi kos penerbitan, soal cukai buku, cukai mesin cetak, promosi buku dan pelbagai kos lagi sememangnya membebankan mereka. Memang ada sesetengah syarikat penerbitan yang menjual buku dengan harga yang murah, akan tetapi syarikat penerbitan itu akhirnya terpaksa menanggung kerugian. Lantaran itulah, buku-buku terpaksa dijual dengan harga yang mahal. Syarikat-syarikat sebeginilah yang seharusnya dibantu, khususnya oleh pihak kerajaan. Bantuan dan perhatian perlu

⁴⁴ *Ibid.*,17.

diberikan, agar ahli-ahli penerbitan ini dapat membangun lebih gah dan seterusnya memajukan industri penerbitan buku negara.⁴⁵

4. Selain masalah masyarakat itu sendiri yang kurang membaca, kurang gemarkan ilmu, harga buku yang mahal dan pembeli atau pembaca tidak berdaya untuk membelinya, industri penerbitan buku negara terus malap kerana maklumat tentang industri buku bersifat picisan tidak menyeluruh dan boleh dipertikaikan kesahihannya. Hal ini kerana, banyak buku yang bermutu dan mempunyai kandungan yang berharga tidak diketahui umum kerana penerbit kecil tidak mampu mengadakan majlis pelancaran buku.

Situasi di atas berlainan dengan buku-buku picisan seperti majalah-majalah selebriti yang keluarannya setiap bulan dipublikasikan di media⁴⁶. Inilah realiti yang perlu diperbaiki memandangkan industri buku bergerak atas dasar laris atau tidak sesebuah buku tersebut.

5. Penerbitan, pengedaran dan penjualan bahan bacaan seperti buku, tabloid dan komik yang mengandungi unsur tahyul, khurafat serta kandungan yang bercanggah dengan akidah masih banyak dipasaran. Bahan penerbitan picisan ini mendapat permintaan dalam kalangan pembaca, khususnya generasi muda disebabkan harganya murah dan mudah diperoleh, terutama dikedai kaki lima.

Mengikut Bahagian Tapisan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dari Januari hingga April 2009, terdapat lebih 12 buah buku yang memesongkan akidah dan

⁴⁵ Hamed Mohd Adnan, "Penerbitan Buku Terus Bertahan", *Berita Harian On-line*, 18 Oktober 2007.

⁴⁶ Abdullah Abdul Karim, "Mahasiswa dan Krisis Intelektual". *Majalah Massa*, Februari 2011, 62-63.

mengelirukan masyarakat Islam dikesan dipasaran tempatan. Pada tahun 2003 pula, lebih 40 buah buku dikemukakan bahagian berkenaan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) untuk diharamkan. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan sikap sambil lewa penerbit atau penulis dalam mematuhi arahan pihak berkuasa berhubung dengan kandungan bahan bacaan. Realitinya, ia menggambarkan sikap segelintir penerbit yang tamak meraih keuntungan daripada melunaskan tanggungjawab menerbitkan buku yang dapat membina minda masyarakat.

6. Gejala cetak rompak digital berlaku dalam industri penerbitan buku negara. Gejala cetak rompak buku secara *e-book* iaitu melalui laman web ini, membuatkan industri penerbitan buku terus ditimpa malang. Sebenarnya, isi cetak rompak buku ini bukanlah perkara baru. Memang sudah belaku sejak lama dulu, Cuma *modus operandi*nya berbeza. Cetak rompak buku digital dilakukan dengan mengulang cetak mana-mana buku yang didapati laku di pasaran.⁴⁷

Mereka akan membuat filem dan menghantarnya ke syarikat-syarikat percetakan yang kurang dikenali. Aktiviti lanun cetak rompak buku gaya lama ini berskala industri. Contohnya, pada tahun 70-an, industri penerbitan buku di Malaysia kecoh apabila kamus Oxford dan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dicetak rompak beribu-ribu naskhah.

Begitu juga halnya dengan buku latihan sekolah, bahkan berleluasa. Pusat tuisyen membuat kompilasi soalan-soalan latihan dari beberapa buah buku penerbitan

⁴⁷ Hafizah Iszahani, “'Kanser' dalam Industri Buku”, *Berita Harian On-line*, 11 November 2011.

berbeza dan mencetaknya semula sebagai terbitan pusat tuisyen tersebut. Hasilnya diperolehi melalui para pusat itu sendiri.

Pernyataan di atas tidak dipersetujui oleh Ainon Mohd⁴⁸. Beliau berpendapat bahawa sekiranya ada yang mengatakan buku-buku berbahasa Melayu tidak dapat dijual, maka ini pasti akan menyebabkan penulis patah semangat hendak menulis lagi.

Beliau menegaskan, statistik kajian yang dijalankan 40 tahun yang lalu sudah tidak relevan lagi dengan zaman kini. Industri buku sedang mula berkembang dengan pesatnya. Mulai 1980-an, industri ini mengalami kemerosotan sehinggalah ke tahun 1990-an. Tetapi mulai tahun 2000 arah aliran kemerosotan itu menampakkan tanda-tanda pemulihan yang cepat.

Tanda-tanda perkembangan industri penerbitan buku dapat dilihat pada fenomena seperti berikut:

Pertama, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang berusia hampir 30 tahun telah menyaksikan fenomena pertambahan pada jumlah gerai, jumlah penjual, jumlah pengunjung, jumlah judul dan jumlah jualan pada tahun demi tahun. Pada pesta buku pada tahun berkenaan (2008), jumlah pengunjung mencapai 1.5 juta orang.

Kedua, rangkaian kedai-kedai buku elitis seperti Mph, Kinokuniya dan Popular yang dahulunya tidak menjual buku-buku berbahasa Melayu, kini mula membuka

⁴⁸ Beliau merupakan Pengerusi Syarikat Penerbitan PTS. Artikel beliau dalam *Berita Harian*, "Masa depan Buku Berbahasa Melayu", 16 April 2008.

seksyen Bahasa Melayu dan jumlah rak buku-buku Melayu dalam kedai-kedai itu semakin bertambah. Rangkaian kedai-kedai elitis itu sedang membuka lebih banyak cawangan di seluruh negara, termasuk di bandar-bandar sederhana.

Bandar-bandar sederhana merupakan pasaran buku berbahasa Melayu kerana penduduk Melayu ramai tinggal di sekitar bandar-bandar itu. Apabila rangkaian kedai elit mula membuka cawangan di bandar-bandar sederhana, ini bermakna permintaan bagi buku-buku berbahasa Melayu meningkat.

Ketiga, jumlah penerbit yang menerbitkan judul-judul bahasa Melayu juga bertambah. Pertambahan jumlah penerbit berkembang seiringan dengan pertambahan jumlah judul baru yang mereka terbitkan. Pada masa ini salah sebuah rangkaian kedai buku elit menjual lebih tiga ribu judul buku Melayu.

Perkembangan positif dalam industri buku Melayu ini akan terus meningkat kerana beberapa faktor lagi, iaitu:

Pertama, buku adalah produk yang dibeli oleh mereka yang berpelajaran. Taraf pendidikan rakyat Malaysia semakin meningkat. Permintaan bagi bahan bacaan sentiasa meningkat seiring dengan peningkatan taraf pendidikan.

Kedua, buku bukan barangan wajib beli. Buku dibeli menggunakan wang lebihan selepas semua keperluan dibeli dahulu. Kuasa membeli (*purchasing power*) rakyat

Malaysia semakin meningkat disebabkan perkembangan ekonomi negara. Ini bermakna rakyat mempunyai wang lebihan yang dapat digunakan bagi membeli buku.⁴⁹

Ketiga, jumlah penduduk Malaysia semakin bertambah. Ini bermakna lebih banyak rakyat Malaysia akan memasuki sistem persekolahan dan menambahkan lagi permintaan bagi bahan bacaan. Dalam kalangan orang Melayu, jumlah kelas menengah Melayu juga semakin besar. Golongan ini mempunyai lebihan wang untuk membeli buku.

Menurut Datuk Khalid Yunus⁵⁰ pula semasa berucap dalam majlis pelancaran Akademi Buku Malaysia pada 29 Februari 2008, "*Industri buku Negara ini masih belum begitu maju dengan kadar penerbitan buku di Malaysia tidak melebihi 10,000 judul setahun selain jenis dan kualiti yang terbatas*".

Menyedari hakikat ini Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) ditubuhkan pada 23 Mac 2003 bagi menyahut seruan kerajaan untuk memajukan industri buku dan mengembangkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Antara matlamat penubuhan badan bukan kerajaan ini ialah:

1. Menganjurkan Anugerah Buku Negara supaya para karyawan dalam industri buku mendapat galakan dan inisiatif untuk meningkatkan mutu sesebuah buku.

⁴⁹ Jufri Joha, "Mahasiswa Melayu dan Budaya Membaca", *Majalah Tamadun*, Keluaran Mei 2002, 12-13.

⁵⁰ Beliau merupakan Pengerusi Yayasan Pembangunan Buku Negara.

2. Menubuhkan Akademi Buku Malaysia untuk memajukan profesionalisme karyawan dalam bidang penerbitan supaya editor, pelukis, pereka bentuk dan pengurusan penerbitan buku yang cekap.
3. Membantu menerbit dan mengedarkan buku yang tidak bernilai komersil tetapi penting untuk negara.
4. Membantu membangunkan masyarakat Malaysia yang suka membaca dan mencintai ilmu sepanjang hayat.

YPBN dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia juga mengambil inisiatif menganjurkan Anugerah Buku Negara. Ini merupakan antara usaha yang dapat meningkatkan penghasilan buku bacaan pelbagai bidang dan menghasilkan buku-buku tempatan yang mutunya setanding dengan negara maju di dunia.

2.4 PENUTUP

Penerbitan buku di Malaysia sebenarnya sedang mengalami proses transformasi. Dalam era 80-an, penerbitan buku di Malaysia mengalami zaman kemerosotan. Namun selepas itu pada era90-an sehinggalah tahun 2000 ia telah mula berkembang pesat. Tambahan pula, selepas penubuhan Akademi Pembangunan Buku Negara pada 23 Mac 2003, industri buku di Malaysia telah mendapat perhatian khusus dari pihak kerajaan.

Anugerah Buku Negara telah diadakan setiap tahun, semata-mata untuk memberigalkan dan perangsang kepada penulis dan karyawan di Malaysia dalam menghasilkan penulisan yang bermutu tinggi.

Begitu juga penerbitan buku-buku agama, sudah mula menampakkan keberhasilannya. Kalau dua dekad yang lalu, kebanyakan buku agama adalah terbitan Indonesia dan juga Singapura. Tetapi sekarang sudah mula berkembang penulisan dari karyawan dan penerbit tempatan dalam menghasilkan karya yang bermutu.

Harapan pengkaji semoga usaha murni para karyawan dapatlah dihargai oleh rakyat Malaysia dengan mengamalkan budaya membaca. Ini akan menambahkan lagi ilmu mereka yang membaca dan menambah minat para karyawan apabila karya mereka laku di pasaran. Begitu juga dengan budaya *photostat* perlu dihentikan kerana ia mengancam dan membunuh minat para karyawan untuk terus menulis.

BAB 3

KARYA-KARYA FIQH MUNAKAHAT DI MALAYSIA 1998 - 2008

3.1 PENDAHULUAN

Islam sebagai agama yang lengkap merangkumi aspek Ibadah, Munakahat, Jenayah dan Muamalat. Ia mengajar umatnya supaya memahami kehidupan yang sempurna. Kefahaman masyarakat tentang keempat-empat teras utama ini perlu diberi penekanan secara ilmiah.

Karya munakahat merupakan satu hasil penulisan yang menjelaskan persoalan institusi kehidupan berumahtangga. Perkataan karya dalam disertasi ini dapatlah difahami sebagai buku-buku fiqh munakahat di Malaysia. Menurut Hamedi, karya merupakan hasil daripada penulis dalam lembaran-lembaran kertas bercetak yang menggabungkannya menjadi jilidan dan mempunyai kulit luar yang lebih tebal daripada kertas dalaman teks serta diedarkan kepada umum. Menurut UNESCO, sesebuah “karya” itu akan menepati konsep buku yang sebenar sekiranya ia mempunyai lebih 49 halaman bercetak.⁵¹

Perkataan munakahat pula berasal dari perkataan arab, iaitu nama terbitan dari kata dasarnya *Nakaḥa Yunkiḥu Nikāḥan Munākāḥatan*.⁵² Ia memberi maksud kumpul atau himpun dan dapat diertikan sebagai suatu *akad* yang dilakukan untuk

⁵¹ Hamedi Mohd Adnan, *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*, xv.

⁵² Jamā‘ah min Kibār al-Lughawiyin al-‘Arab, *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī* (Tunisia: Larus, 1988).

mengharuskan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan dengan menggunakan lafaz nikah, *tazwīj* atau terjemahannya.⁵³

Syaykh Wahbah al-Zuhaylī menyatakan Nikah pada pandangan pakar usul dan bahasa, hakikatnya adalah *waṭi'* (persetubuhan) dan *majāz* pada *'aqad*. Sedangkan di sisi para fuqaha termasuklah imam empat mazhab meyatakan hakikatnya adalah *'aqad* dan *majāz*nya adalah *waṭi'*.⁵⁴

Kitab-kitab muktabar seperti *al-Mughnī* karangan *Ibn Qudāmah*, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatahu* karya Syaykh Wahbah al-Zuhaylī dan lain-lain lagi membicarakan munakahat ini secara menyeluruh dan lebih dikenali sebagai *aḥwāl al-syakhṣiyyah*. Namun kitab atau karya yang diterbitkan di Malaysia hanya membicarakan bab-bab tertentu dalam perkahwinan.

Perbahasan dalam munakahat adalah merangkumi dua persoalan, iaitu pembentukan dan pembubaran keluarga. Pembentukan keluarga adalah seperti pengertian nikah, hukum nikah kahwin, hikmah perkahwinan, peminangan, pertunangan, mahar, rukun nikah (pengantin lelaki dan perempuan, wali, saksi, ijab dan qabul), poligami, nafkah dan tanggungjawab suami dan isteri terhadap rumah tangga mereka.

⁵³ Safi'i Mohammad Zain, *Pelajaran Feqah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976), 37.

⁵⁴ Wahbah Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatahu* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1984), 7 : 30.

Pembubaran keluarga pula merujuk kepada *ṭalāq*, iaitu cara meleraikan ikatan perkahwinan. Antaranya *ṭalāq* (*Raj'ī* dan *Bā'in*), *khulu'*, *ta'līq*, *zihār*, *li'ān* dan *fasakh*, *rujū'*, pembahagian harta sepencarian dan penjagaan anak (*haḍānah*).

Di bawah ini, pengkaji menyenaraikan judul karya termasuklah nama pengarang, penerbit, tahun terbitan dan jumlah muka surat. Kesemua maklumat yang dibentangkan dalam bab ini, akan memudahkan pengkaji membuat analisis pada bab yang ketiga. Sebanyak 32 buah karya munakahat yang diterbitkan di Malaysia sepanjang tahun 1998-2008 telah dikumpulkan. Ia adalah seperti yang berikut:

Jadual 2: Karya Fiqh Munakahat yang Diterbitkan di Malaysia 1998-2008

Bil	Judul Karya	Pengarang	Penerbit	Tahun
1.	Pernikahan dan Perkahwinan Yang Membahagiakan	Abdul Aziz Salim Basyarahil	Perniagaan Jahabersa, Johor	1998
2.	Marriage and Divorce Under Islamic Law	Nik Noriani Nik Badli Shah	Golden Books Centre, Wilayah Persekutuan	1998
3.	Pengenalan Hukum Nikah Kahwin	Taib Azamuddin & Aminah Hj. Zakaria	Pustaka Haji Abdul Majid, Wilayah Persekutuan	2000
4.	Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Islam	Abu Nur Fatimah Hanani & Abu Nur Sakinah An-Najjyyah	Pustaka Ilmi, Selangor	2000
5.	Hitam Putih Poligami	Syeikh Ahmad Faisol B. Haji Omar	Pustaka Ilmi, Selangor	2000
6.	Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam	Zaini Nasohah	Utusan Publication, Wilayah Persekutuan	2000
7.	Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean	Abdul Monir Yaacob	IKIM Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan	2000

Bil	Judul Karya	Pengarang	Penerbit	Tahun
8.	Pendidikan Rumahtangga	Saedah Siraj	Alam Pintar Enterprise, Selangor	2001
9.	Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah	Syeikh Muhammad Ali As-Shabuni	Pustaka Ilmi, Selangor	2001
10.	Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumahtangga	Jauhari Insani	Pustaka Ilmi, Selangor	2001
11.	Panduan Lengkap Bakal Pengantin dan Keluarga Bahagia	Haji Zakaria Bin Haji Ahmad Wan Besar	Pustaka Ilmi, Selangor	2002
12.	Perkahwinan dalam Islam	Hj. Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan	Al-Hidayah Publishers, Wilayah Persekutuan	2002
13.	Perkahwinan dan Perceraian di Bawah Undang-undang Islam	Nik Noriani Nik Badli Shah	International Law Books Store, Selangor	2002
14.	Islam and Polygamy	Zaitun Mohamed Kasim	Sister In Islam, Wilayah Persekutuan	2002
15.	Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam	Zaleha Muhamat	Utusan Publication, Wilayah Persekutuan	2002
16.	Islam dan Perancangan Keluarga	Zainah Anwar & Dr. Rashidah Shuib	Sister In Islam, Wilayah Persekutuan	2002
17.	Panduan Mencari Nafkah yang Diberkati	Muhammad Hafizuddin Thani	Penerbitan Seribu Dinar, Wilayah Persekutuan	2003
18.	Formula Mengatasi Krisis Rumahtangga	Haarun Arassyid Hj. Tuskan	Zebra Editions Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan	2003
19.	Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga	Dr. Muhd. Fauzi Muhammad	Synergymate Sdn. Bhd. Selangor	2003
20.	Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga	Dr. Muhd. Fauzi Muhammad	Synergymate Sdn. Bhd. Selangor	2003
21.	Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam	Salleh Ismail	Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Persekutuan	2003

Bil	Judul Karya	Pengarang	Penerbit	Tahun
22.	Islamic Family Law and Justice For Muslim Women	Hjh. Nik Noriani Nik Badli Shah	Sister In Islam, Wilayah Persekutuan	2003
23.	Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam As-Syafi'e	Abul Khairy Al-Latifi	Al-Hidayah Publishers, Wilayah Persekutuan	2004
24.	Poligami Monogami	Mustaffa Suhaimi	Progressive Publishing House, Kuala Lumpur	2004
25.	Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan	Dr. Mat Saad Abd. Rahman	Intel Multimedia And Publication, Selangor	2006
26.	Perceraian Secara Fasakh: Konsep dan Amalan di Malaysia	Nurhidayah Muhd Hashim	Perniagaan Jahabersa, Johor	2006
27.	Fekah Kekeluargaan	Mohammad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad	Pusat Penyelidikan UIA, Wilayah Persekutuan	2006
28.	Munakahat: Undang-undang Prosedur	Dr. Hj Mohd Redzuan Ibrahim	DRI Publishing House, Selangor	2006
29.	Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya	Mohammad Nidzham Abdul Kadir	Telaga Biru Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan	2006
30.	Soal Jawab Muda Mudi Tentang Percintaan & Pertunangan: Antara Halal dan Haram	Juraish Kamaruddin	Darul Minhaj Publisher, Selangor	2008
31.	Memahami Hukum Zihar dan Ila'	Juraish Kamaruddin al-Muhami	Darul Minhaj Publisher, Selangor	2008
32.	140 Masalah Keluarga & Bagaimana Cara Mengatasinya	Abu Muhammad Nabil Muhammad Mahmud	Perniagaan Jahabersa, Johor	2008

3.2 ULASAN KARYA FIQH MUNAKAHAT 1998-2008 YANG DITERBITKAN DI MALAYSIA

Pengkaji akan membuat ulasan bagi setiap buku di atas, untuk melengkapkan lagi pemahaman pengkaji terhadap bentuk atau tema karya-karya berkenaan. Ulasan karya berkenaan adalah seperti yang berikut:

Karya Pertama: *Pernikahan Dan Perkahwinan Yang Membahagiakan*⁵⁵

Buku ini merupakan ringkasan penjelasan tentang aturan perkahwinan seperti meminang dan proses yang berlaku semasa akad nikah. Ia dihuraikan berdasarkan dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Antara perkara yang disentuh ialah upacara perkahwinan seperti meminang, mas kahwin, akad nikah dan khutbah nikah. Turut dinyatakan peranan dan tanggungjawab suami isteri demi menjamin keluarga yang harmoni sebagai panduan.

Punca berlaku krisis rumah tangga juga turut dinyatakan, sama ada daripada pihak suami atau isteri supaya mereka berwasapada dan menghindari perkara tersebut. Penulis juga memberi penyelesaian kepada masalah perkahwinan seperti mendapati isteri bukan lagi dara atau janda. Di akhir perbincangan, penulis mensisipkan khutbah nikah dan doa untuk pengantin.

⁵⁵ Karya ini adalah hasil tulisan Abdul Aziz Salim Basyarahil pada tahun 1998. Ia diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor. Ia mempunyai 76 muka surat.

Karya ini dikategorikan sebagai karya popular dan ia hanya menulis berdasarkan pandangan mazhab Syafii. Karya ini juga tidak menghuraikan sesuatu isu dengan mendalam. Ia sekadar memberi kefahaman yang mudah kepada pembaca.

Karya Kedua: *Marriage and Divorce Under Islamic Law*⁵⁶

Buku ini membincangkan isu-isu mengenai kekeluargaan Islam dan perceraian menurut pandangan Islam. Penulis juga menyentuh banyak isu seperti umur yang paling minima untuk berkahwin berdasarkan undang-undang Negara tertentu seperti Malaysia, Singapura, Mesir dan sebagainya.

Penulis juga membincangkan perkahwinan kontrak dan syarat-syarat serta hak-haknya. Penulisan yang dibuat dalam lima belas tajuk utama ini turut menyelitkan isu-isu penting yang dilihat daripada pandangan syarak dan undang-undang Islam mengenai keadaan perkahwinan kontrak, perceraian, mangsa-mangsa kes kekeluargaan serta beberapa kesalahan yang boleh berlaku antara suami dan isteri yang melibatkan hak pasangan seperti curang atau *nusyūz* dan sebagainya.

Kesemua penulisan yang dibuat dikaitkan dengan undang-undang syariat Islam dan fakta-fakta kes yang relevan. Turut dibincangkan ialah kaedah-kaedah fiqh mengenai kekeluargaan Islam terutamanya dalam kes-kes perceraian seperti '*iddah*, *rujū*' dan lain-lain.

⁵⁶ Karya ini adalah hasil tulisan Nik Noriani Nik Badli Shah pada tahun 1998. Ia diterbitkan oleh Golden Books Centre, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 133 muka surat.

Karya ini telah diterbitkan semula pada tahun 2002 dalam bahasa Melayu yang bertajuk *Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam*. Penulis merupakan Penasihat undang-undang *Sister In Islam*. Kumpulan ini juga memperjuangkan Islam Liberal di Malaysia dan turut menuntut persamaan hak antara lelaki dan perempuan termasuklah dalam persoalan munakahat.

Jadi, karya ilmiah ini lebih menekankan dan mempersoalkan kedudukan wanita yang lebih rendah pada pandangan mereka terhadap undang-undang keluarga Islam.

Karya Ketiga: *Pengenalan Hukum Nikah Kahwin*⁵⁷

Karya ini adalah berkenaan perkara-perkara asas sebagai panduan kepada bakal pengantin yang akan mendirikan rumah tangga. Perbincangan topik dalam buku ini merujuk kepada soal perkahwinan dan ke arah mewujudkan keluarga bahagia.

Perkahwinan yang dibincangkan dapat dilihat daripada beberapa aspek seperti ibadah, akhlak, kesihatan, politik dan sunnah Rasulullah SAW. Dalam konsep perkahwinan pula, dinyatakan erti nikah dari sudut syarak serta hukum perkahwinan berdasarkan keadaan dan kemampuan mereka yang hendak berkahwin.

Selain itu, penulis turut menjelaskan rukun nikah dan jenis-jenis perkahwinan yang diharamkan dalam Islam. Perkahwinan itu adalah *mut'ah*, *tahlil* (cina buta),

⁵⁷ Karya ini dihasilkan oleh Taib Azamuddin dan Aminah bt. Hj. Zakaria. Taib Azamuddin adalah bekas Imam 1 Masjid Negara dan sekarang merupakan Ahli Parlimen Baling, Kedah. Ia diterbitkan oleh Pustaka Haji Majid, Wilayah Persekutuan dan mengandungi 104 muka surat.

syighār (perempuan dijadikan mahar) dan perkahwinan sementara. Antara sebab pengharaman ini adalah kerana ia tidak mencapai objektif perkahwinan yang sebenar dan bersifat zalim.

Perkara lain yang menjadi perbincangan adalah berkaitan mahar, peranan dan tanggungjawab suami isteri dalam mewujudkan keluarga yang bahagia serta disertakan cara-cara memasukkan rahmat dalam rumah tangga.

Di akhir perbincangan, sebagai maklumat tambahan, penulis menerangkan perihal mahkamah syariah di Malaysia berhubung isu-isu perkahwinan yang diselenggarakannya. Karya ini bukan bersifat ilmiah bahkan ia hanya saduran daripada karya-karya terdahulu berkenaan dengan munakahat.

Karya Keempat: *Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Islam*⁵⁸

Buku ini ditulis sebagai persediaan awal kepada bakal pengantin sebelum menjejak alam perkahwinan. Ia disusun dengan baik berdasarkan susunan kitab-kitab *turāth* sebagai intipati kepada setiap aspek perbincangan.

Perbincangan dalam buku ini meliputi perkara-perkara asas dan peringkat-peringkat yang perlu dilalui sebelum ijab dan qabul. Aspek yang dititikberatkan adalah seperti dasar-dasar pemilihan calon suami dan isteri sebagaimana yang dijelaskan

⁵⁸ Karya ini ditulis oleh Abu Nur Fatimah Hanani dan Abu Sakinah An-Najiyah pada tahun 2000. Ia diterbitkan oleh Pustaka Ilmi, Selangor. Ia mempunyai 135 muka surat.

melalui hadis Nabi SAW, kebebasan memilih jodoh, melihat bakal suami dan isteri, istikharah dan pertunangan.

Selain itu, berkaitan dengan pernikahan, penerangan diberikan kepada aspek rukun, hukum, perihal wali dan syarat-syaratnya serta perkara-perkara lain yang bersangkutan. Terakhir, ia menyentuh soal *walimah al-'urūs* dan permasalahan yang sudah menjadi budaya dalam masyarakat iaitu amalan pemberian wang kepada tuan rumah oleh tetamu.

Penulis banyak mencedok idea daripada kitab-kitab *turāth* di samping mengaitkan dengan realiti semasa yang berlaku. Dalam soal berkaitan hukum, penulis sekadar menyatakannya tanpa membabitkan pandangan mazhab.

Karya ini merupakan bahan bacaan popular, di mana penulis banyak mencedok maklumat daripada karya-karya terdahulu, kemudian menyusunnya mengikut tajuk-tajuk yang dirasakan perlu oleh penulis dan menulis kembali tanpa ada bentuk penulisan kritis dan ulasan terhadap penulisan terdahulu.

Karya Kelima: *Hitam Putih Poligami*⁵⁹

Perkahwinan yang disyariatkan dan poligami yang diharuskan tentunya mempunyai kebaikan dan faedah di sebaliknya. Hitam dan putih adalah simbolik kepada keadaan

⁵⁹ Karya ini adalah hasil tulisan Syeikh Ahmad Faisol B. Haji Omar pada tahun 2000. Beliau bertugas sebagai Pegawai Agama Daerah Kubang Pasu, Kedah. Ia diterbitkan oleh Pustaka Ilmi, Selangor. Ia mempunyai 138 muka surat.

yang berlaku kepada mereka yang berpoligami. Hitam adalah simbolik kepada suasana rumah tangga poligami yang berkecamuk dan tidak tenteram. Manakala putih pula merujuk kepada keindahan serta hikmah di sebalik poligami.

Penulis buku ini cuba merungkai persoalan poligami dari segi hukum, etika, faedah dan pandangan daripada pihak suami, isteri dan masyarakat tentang konsep poligami. Penulis mengulas berdasarkan apa yang disyariatkan dalam Islam berkenaan poligami serta pemerhatian beliau kepada mereka yang mengamalkan poligami. Ini berdasarkan realiti yang berlaku kesan daripada pengamalan poligami.

Seorang suami yang ingin berpoligami harus memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria tertentu. Di dalam buku ini dinyatakan persediaan yang perlu diketahui oleh para suami yang ingin berpoligami. Tiada sebarang pandangan mazhab dinyatakan. Penulis sekadar membawakan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Ia merupakan sebuah karya popular dan mampu menarik minat pembaca terutamanya lelaki yang berhasrat untuk berpoligami. Dengan membaca karya ini, mereka akan mendapat panduan serta tips untuk berpoligami.

Karya Keenam: *Poligami: Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*⁶⁰

Buku ini membincangkan poligami dalam syariat Islam serta amalan yang berlaku di Malaysia. Perbincangan mengenainya telah dihuraikan oleh penulis dalam beberapa bab berasingan.

Bab satu membahaskan poligami menurut pandangan Islam. Aspek yang dibahaskan adalah pengertian, sejarah hukum, dalil pensyariatan, hikmah, sebab-sebab berlaku poligami dan syarat-syaratnya.

Dalam bab dua, penulis membawakan fakta-fakta berkaitan poligami Rasulullah SAW yang melibatkan motif Baginda berpoligami dan faktor-faktor lain tentang poligami Baginda. Kenyataan, bukti dan hujah yang dibawakan oleh penulis ini telah menolak dakwaan pihak musuh Islam yang menuduh Rasulullah SAW berpoligami berdasarkan nafsu semata-mata.

Amalan poligami berlaku di mana-mana sahaja termasuk Malaysia. Oleh itu, huraian berkenaan poligami di Malaysia yang melibatkan antara lain faktor pendorong poligami di Malaysia, akta perundangan yang ditetapkan oleh mahkamah syariah berkenaan poligami dan sebagainya telah dihuraikan dalam bab tiga.

⁶⁰ Karya ini adalah hasil tulisan Zaini Nasohah pada tahun 2000. Beliau merupakan Pensyarah di Jabatan Syariah, UKM, Bangi. Ia diterbitkan oleh Utusan Publication, Wilayah Persekutuan dan mempunyai 85 muka surat.

Karya ini merupakan karya popular. Ia mengisahkan sahaja pengertian poligami serta penceritaan berkaitan poligami Rasulullah SAW dan punca poligami di Malaysia. Rujukan beliau juga hanya terbatas kepada karya-karya popular yang diterbitkan di Malaysia.

Karya Ketujuh: *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean*⁶¹

Karya ini adalah koleksi kertas kerja seminar bertajuk “*Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita*” yang telah diadakan pada tahun 1998. Ia memuatkan penulisan tentang pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di beberapa buah negara Islam.

Buku ini juga merangkumi analisis pengalaman dan pelbagai pendekatan dalam mentadbirkan Undang-undang Keluarga Islam di negara-negara tersebut. Buku ini juga menghuraikan bagaimana Undang-undang Keluarga Islam berkembang dan ditadbirkan oleh Mahkamah bagi menyelesaikan masalah rumah tangga masyarakat Islam.

Isu-isu seperti kaunseling, *ṣulh*, hak wanita dan pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di mahkamah-mahkamah di negara-negara ASEAN turut dibincangkan. Buku ini dibahagikan berdasarkan bab-bab yang setiap satunya merupakan kertas-kertas kerja Undang-undang Keluarga Islam yang berlainan dari seluruh pelosok ASEAN.

⁶¹ Karya ini adalah hasil tulisan Abdul Monir Yaacob pada tahun 2000. Ia diterbitkan oleh IKIM Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 375 muka surat.

Karya yang dihasilkan adalah penulisan ilmiah kerana ia merupakan suatu analisis tentang perbandingan undang-undang keluarga Islam yang dilaksanakan dinegara-negara ASEAN.

Karya Kelapan: *Pendidikan Rumahtangga*⁶²

Karya *Pendidikan Rumahtangga* merupakan hasil penulisan yang membicarakan panduan menjalani kehidupan bersuami isteri yang sentiasa penuh dengan dugaan dan cabaran. Buku ini bukan sahaja sesuai dibaca oleh pasangan yang sudah bersuami isteri malah bagi golongan remaja yang bakal menghadapi kehidupan berkeluarga.

Terdapat lima bab kesemuanya. Bab pertama mengandungi perbincangan tentang unsur-unsur yang dianugerahi Allah SWT kepada semua manusia pada awal penciptaan mereka, termasuklah pemeringkatan manusia dan cara membina intelek aras tinggi.

Kehidupan berkeluarga telah ditinggikan kedudukannya disisi Allah dan telah dirakamkan oleh penulis dalam perbincangan bab kedua. Seterusnya dalam bab ketiga, perbincangan adalah tentang tugas dan tanggungjawab lelaki sebagai suami. Sifat-sifat biasa yang dimiliki oleh setiap lelaki yang telah menjadi suami turut disentuh disamping penulis memberikan beberapa panduan serta alternatif penyelesaian terhadap kebuntuan-kebuntuan yang melanda pasangan berumah tangga.

⁶² Karya ini ditulis oleh Saedah Siraj pada tahun 2001 dan merupakan karya asal beliau. Karya ini diterbitkan oleh Alam Pintar Enterprise, Selangor dan mempunyai 253 muka surat.

Dalam bab keempat dibicarakan peranan dan tanggungjawab wanita sebagai isteri. Tips tentang cara-cara menawan hati suami dibicarakan dalam bab ini, termasuklah peranan yang mesti dipikul oleh seorang isteri untuk menentukan kebahagiaan yang berkekalan dalam rumah tangga.

Seterusnya bab terakhir mengandungi senarai semak untuk menjadi keluarga yang berakhlak di mana penulis menyertakan senarai semak sebagai panduan membuat muhasabah atau pengamatan diri sama ada memiliki ciri-ciri yang dicatatkan.

Ciri-ciri orang yang bertakwa dan juga mukmin dijadikan panduan dalam senarai semak yang telah disertakan di dalam bab ini. Selain memasukkan unsur pendidikan dalam rumah tangga, beliau turut mengulas secara ilmiah tentang peranan setiap anggota dalam institusi keluarga.

Karya Kesembilan: *Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah*⁶³

Karya ini merupakan sanggahan tentang semua tuduhan terhadap Rasulullah SAW dan mengisahkan tentang identiti isteri-isteri Baginda SAW. Ini kerana musuh-musuh Islam seperti para orientalis telah mencuba pelbagai cara untuk memburuk-burukkan imej agama Islam. Antaranya ialah tuduhan buruk dan tidak berasas yang dilemparkan kepada Nabi Muhammad SAW kerana berpoligami. Mereka menuduh Baginda seorang yang mempunyai nafsu yang kuat.

⁶³ Karya ini adalah hasil terjemahan daripada ucapan Syeikh Muhammad 'Ali Al-Sabuni. Ia diterbitkan pada tahun 2001 oleh Pustaka Ilmi, Selangor. Ia mempunyai 67 muka surat.

Buku ini telah menjawab dan menolak segala tuduhan tidak berasas mereka berdasarkan fakta dan bukti yang kukuh. Penulis turut menyatakan hikmah Rasulullah SAW berpoligami yang dapat dilihat daripada beberapa sudut, iaitu pendidikan, hukum, sosial dan politik. Kesemuanya itu adalah untuk kebaikan umat dan agama Islam dan bukannya untuk kepentingan peribadi Baginda.

Selain itu, penulis turut memperihalkan wanita-wanita suci yang terpilih menjadi isteri Baginda. Mereka diberi gelaran *ummahāt al-mu'minīn* dan menjadi contoh kepada para Muslimah.

Karya ini merupakan terjemahan risalah yang berasal daripada ucapan yang disampaikan oleh Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni di pejabat *Rabi'ah al-'Alamī al-Islāmī* di Makkah al-Mukarramah.

Karya Kesepuluh: *Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumahtangga*⁶⁴

Karya '*Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumahtangga*' adalah buku yang membahaskan kronologi kasih sayang sesama manusia yang akhirnya membawa kepada perkahwinan.

⁶⁴ Karya ini dihasilkan oleh Jauhari Insani pada tahun 2001. Penerbit yang menerbitkan karya berkenaan adalah Pustaka Ilmi dan ia mengandungi 213 muka surat.

Penulis membahagikan buku ini kepada lapan bab. Pada bab pertama hingga bab keempat, penulis menjelaskan asas kepada perkahwinan, iaitu tunas cinta dan kasih sayang yang menjelaskan bagaimana kasih sayang dalam hati manusia sememangnya telah lama lahir dalam hati setiap manusia. Bagi lelaki dan perempuan, apabila adanya perasaan yang lahir dalam hati mereka, maka akan bermula konsep *ta'āruf* yang sememangnya telah dianjurkan oleh Islam. Namun terdapat garis panduan tertentu yang perlu diikuti oleh mereka. Seterusnya barulah memasuki fasa pertunangan yang membawa kepada perkahwinan.

Daripada cinta dan kasih sayang inilah maka lahirlah konsep perkahwinan dalam Islam. Seterusnya kewujudan cinta dan kasih sayang dalam diri setiap pasangan suami isteri merupakan suatu fitrah dan naluri semula jadi. Semua ini dibahaskan dalam bab kedua dan ketiga. Seterusnya penulis membawa pembaca kepada permasalahan yang wujud berhubung cinta ini. Iaitu cinta dalam kalangan kaum remaja di mana daripada cinta inilah membawa kepada masalah seperti homoseksual, kekeliruan *gender* dan sebagainya. Semua ini berlaku kerana kejahilan mereka terhadap agama Islam sendiri malah mereka tidak menjadikan agama sebagai panduan hidup mereka.

Dalam bab kelima penulis berbahas tentang anggota reproduksi pada tubuh manusia di mana dijelaskan setiap anggota tubuh perempuan itu berbeza dengan anggota tubuh lelaki.

Dalam bab keenam dibahaskan fungsi cinta antara pasangan suami isteri di mana fungsi ini membawa pelbagai kelebihan dan manfaat bersama terhadap keluarga dan

masyarakat serta agama. Bab ketujuh, membicarakan jimak antara suami isteri dan seterusnya dalam bab terakhir dibahaskan bahawa Islam menggariskan batas-batas tertentu dalam hubungan seksual antara suami isteri.

Pada bab yang ketujuh dan kelapan, penulis mengulas tentang seni persetubuhan dan batas-batas hubungan seksual. Bimbingan tentang perlakuan seks turut dinyatakan.

Karya ini dikategorikan sebagai karya popular. Karya ini hanya membahaskan isu perkahwinan secara mudah tanpa ada suatu ulasan kritis berkaitan dengan hukum perkahwinan.

Karya Kesebelas: *Panduan Lengkap Bakal Pengantin Dan Keluarga Bahagia*⁶⁵

Pengolahan isi buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menghuraikan secara ringkas tentang perkahwinan manakala bahagian kedua berkenaan panduan soal jawab kepada bakal pengantin.

Dalam bahagian perkahwinan, penulis menghuraikan secara ringkas dan umum tentang makna nikah, hukum, rukun, syarat, sebab haram nikah, meminang, wali, majlis-majlis yang mengiringi pernikahan dan sebagainya.

⁶⁵ Karya ini adalah hasil tulisan Haji Zakaria Bin Haji Ahmad Wan Besar pada tahun 2002. Ia diterbitkan oleh Pustaka Ilm, Selangor. Ia mempunyai 243 muka surat.

Selain itu, turut dinyatakan panduan untuk kaum Muslimah berkenaan hukum haid, nifas dan istihadhah serta cara bersuci.

Dalam bahagian soal jawab untuk bakal pengantin, disertakan rajah bagi memudahkan kefahaman bakal pengantin. Penulis juga turut memperincikan perihal nusyuz dan perkara-perkara yang menyebabkan nusyuz, sama ada di pihak suami atau isteri serta cara mengatasinya.

Sebagai maklumat tambahan, sifat-sifat suami dan isteri yang soleh turut disertakan. Tiada sebarang pandangan mazhab dikemukakan. Namun begitu, penulis ada menukilkan pendapat daripada ulama tertentu seperti Syaykh al-Ramlī dan Syaykh Abū Sahl al-Sya‘lūkī.

Karya ini hanya berdasarkan pendekatan Syafii. Ia tergolong dalam karya popular dan turut mengutarakan persoalan hukum yang berkaitan dengan perkahwinan.

Karya Kedua belas: *Perkahwinan dalam Islam*⁶⁶

Karya ini menghuraikan bahawa Islam menganjurkan perkahwinan demi memelihara kesinambungan keturunan manusia dan memenuhi kehendak fitrahnya. Justeru, buku ini mengupas perihal perkahwinan sebagaimana yang dianjurkan oleh agama Islam dan dibahaskan oleh para ulama.

⁶⁶ Karya ini adalah hasil tulisan Hj. Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan pada tahun 2002. Ia diterbitkan oleh Al-Hidayah Publishers, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 325 muka surat.

Perbincangan dalam buku ini merujuk kepada hukum, rukun, syarat, adab, panduan, kewajipan dan tanggungjawab serta hak dan juga tatacara dalam setiap urusan perkahwinan. Oleh itu, penulis telah membahagikan setiap topik kepada 12 bab.

Bab satu hingga enam melibatkan perintah dan pengertian nikah dan kahwin, perihal perkahwinan dalam Islam, peminangan, mas kahwin, pelaksanaan perkahwinan dan masalah kufu.

Bab tujuh hingga dua belas, perbincangan adalah mengenai walimah, nafkah, jenis-jenis nikah yang tidak diiktiraf oleh Islam, larangan kahwin dan hukum yang berkaitan, adab pergaulan suami isteri dan nasihat kepada suami isteri yang inginkan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Penulis telah menghuraikan secara mendalam setiap tajuk yang dibincangkan dan membuat rumusan pada bahagian akhir setiap bab. Pendapat ulama serta hujah masing-masing turut dinyatakan tetapi tiada sebarang pentarjihan dibuat.

Karya ini adalah karya ilmiah dan hanya menggunakan pendekatan mazhab Syafii dalam semua tajuk yang dibincangkan.

Karya Ketiga belas: *Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam*⁶⁷

Karya mengenai perkahwinan dan perceraian ini diolah untuk memerihalkan secara ringkas tetapi komprehensif tentang prinsip-prinsip dan peruntukan undang-undang Islam mengenai perkahwinan dan perceraian. Ia terbahagi kepada dua bahagian dan setiap bahagian mempunyai beberapa bab.

Penulisan buku ini merujuk kepada sumber undang-undang keluarga Islam dalam al-Quran dan al-Sunnah. Turut dinyatakan peruntukan perundangan moden dan keputusan-keputusan hakim mengenai isu-isu berhubung perkahwinan dan perceraian di bawah undang-undang syariah di Malaysia dan beberapa negara lain sebagai perbandingan.

Dalam bahagian perkahwinan, antara perkara yang dinyatakan adalah berhubung soal umur minima untuk berkahwin, permasalahan wali, saksi, syarat-syarat dalam perjanjian perkahwinan, poligami, nafkah dan nusyuz.

Dalam bahagian perceraian pula, perkara yang dibincangkan adalah berkenaan jenis-jenis perceraian, pembubaran perkahwinan oleh mahkamah, 'iddah, rujuk dan pendaftaran perceraian serta harta sepencarian.

Penulis secara nyata turut mempertikaikan pandangan mazhab syafii yang dianggap pandangan yang sempit. Contohnya ulasan beliau berkaitan dengan fasakh:⁶⁸

⁶⁷ Karya ini adalah hasil tulisan Nik Noriani Nik Badli Shah pada tahun 2002. Ia diterbitkan oleh International Law Books Store, Selangor. Ia mempunyai 157 muka surat.

“Berkenaan dengan fasakh, boleh dikatakan bahawa kebanyakan peruntukan perundangan moden, termasuklah peruntukan-peruntukan dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, telah menerima pakai tafsiran liberal dan mengadakan berbagai alasan bagi memberikan seseorang isteri hak untuk mendapat perintah bagi pembubaran perkahwinan. Sungguhpun Enakmen 1983 di Kelantan nampaknya lebih mengikuti tafsiran sempit pandangan jumbuh mazhab Syafi ‘i ...”

Karya Keempat belas: *Islam and Polygamy*⁶⁹

Karya ini merupakan soal jawab berkaitan poligami dan amalannya di Malaysia. Persoalan yang dibangkitkan adalah berhubung dengan poligami yang dianjurkan dalam Islam serta realiti yang berlaku dalam masyarakat khususnya di Malaysia.

Penulis buku ini juga mengetengahkan sejauhmana peruntukan undang-undang keluarga yang ada di Malaysia berhubung isu poligami. Antara yang dinyatakan adalah seperti prosedur dan syarat yang ditetapkan bagi suami untuk berpoligami seperti mendapat keizinan isteri dan tindakan undang-undang yang boleh dikenakan sekiranya pihak suami melanggar syarat dan peraturan.

Hak dan kebajikan isteri pertama juga turut dipersoalkan seperti berhubung isu perbelanjaan dan harta sepencarian memandangkan berlaku kes di mana suami menamakan sebahagian harta ke atas isteri kedua. Cara-cara yang berlandaskan undang-undang turut dinyatakan sebagai panduan bagi mendapatkan hak isteri pertama semula.

⁶⁸ *Ibid.*,106.

⁶⁹ Karya ini adalah hasil tulisan Zaitun Mohamed Kasim pada tahun 2002. Ia diterbitkan oleh Sister In Islam, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 21 muka surat.

Beberapa cara lagi turut dikemukakan bagi menjamin serta memelihara hak dan kebajikan isteri berhubung kes poligami, contohnya seperti *ta'liq*.

Penulis ini juga adalah dari *Sister In Islam* (SIS). Menurut beliau, dalil daripada al-Quran yang membenarkan seseorang lelaki Muslim untuk melakukan poligami sebenarnya disertakan dengan prasyarat bagi lelaki untuk berlaku adil.

Karya Kelima belas: *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*⁷⁰

Poligami merupakan perkara yang suci, murni dan indah jika pelaksanaan dan amalannya dilakukan berdasarkan panduan al-Quran dan al-Hadis. Buku ini ditulis bagi mengupas persoalan poligami dengan merujuk kepada panduan daripada sumber perundangan Islam.

Kajian yang dilakukan oleh penulis dinegeri-negeri yang terlibat adalah untuk mencari punca permasalahan yang berlaku di samping mencari jalan penyelesaiannya kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Selain itu, huraian poligami turut disertakan dengan berpandukan kepada al-Quran dan al-Hadis. Perbincangan lain yang turut dimuatkan adalah kepentingan perkahwinan, hikmahnya, serta beberapa persoalan yang berkaitan masalah poligami seperti keterlanjuran pergaulan.

⁷⁰ Karya ini adalah hasil tulisan Zaleha Muhamat pada tahun 2002. Ia diterbitkan oleh Utusan Publication, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 128 muka surat.

Kajian tentang poligami ini melibatkan tiga kelompok masyarakat, iaitu isteri-isteri yang dipoligami, pihak pejabat kadi dan orang ramai. Karya ini adalah karya ilmiah kerana penulis membuat kajian tentang persepsi masyarakat terhadap poligami.

Karya Keenam belas: *Islam dan Perancangan Keluarga*⁷¹

Buku ini berupa soal jawab berkenaan perancangan keluarga daripada perspektif Islam.

Ia melibatkan antaranya hukum-hukum:

- i. Adakah terdapat ayat al-Quran yang mengharamkan perancangan keluarga?
- ii. Adakah terdapat kaedah pencegahan kehamilan yang diamalkan pada zaman Nabi Muhammad SAW?
- iii. Apakah yang terkandung di dalam pil kontraseptif?
- iv. Apakah hukum Islam bagi seseorang wanita Islam yang meninggal dunia sedangkan dia masih memakai alat dalam rahim (IUD)?
- v. Benarkah memakai kondom berdosa sebab air mani dibuang?
- vi. Mengapakah terdapat salah tanggapan bahawa Islam mengharamkan kontrasepsi?
- vii. Bolehkah kontrasepsi dianggap sebagai bertentangan dengan konsep takdir (qadar), bergantung kepada Allah SWT (tawakkal) dan kepercayaan bahawa Allah SWT akan menentukan segala rezeki kita?

⁷¹ Karya ini adalah hasil tulisan Zainah Anwar & Dr. Rashidah Shuib pada tahun 2002. Ia diterbitkan oleh Sister In Islam, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 81 muka surat.

- viii. Adakah wanita berhak membuat keputusan yang memanfaatkan diri dan keluarganya walaupun dia gagal mendapat persetujuan pasangannya, selepas mereka berunding?
- ix. Adakah terdapat fatwa mengenai kontrasepsi di Malaysia?

Penulisan ini turut menjawab tentang persoalan keselamatan penggunaan alat-alat kontraseptif seperti pemakaian *Intrauterine Device* (IUD). Selain itu, ia turut menghuraikan sebab-sebab yang membolehkan penggunaan alat kontraseptif dan penguguran.

Turut menjadi persoalan ialah hak wanita dalam menentukan teknik perancang kehamilan memandangkan ia berkaitan secara langsung dengan diri wanita tersebut. Permasalahan lain yang turut disentuh ialah isu pemandulan kerana ia merupakan kaedah merancang kehamilan yang bersifat kekal.

Kesemua hukum berkaitan isu yang dipersoalkan dirujuk kepada dalil dan pandangan para fuqaha. Kritikan secara ilmiah dan logik juga menjadikan karya ini bahan bacaan yang memberi tafsiran baru terhadap perancangan keluarga.

Karya Ketujuh belas: *Panduan Mencari Nafkah Yang Diberkati*⁷²

Islam memandang setiap amal perbuatan yang dilakukan oleh seseorang demi keredhaan Allah setelah menepati syarat-syaratnya sebagai ibadah dan mendapat pahala. Nafkah adalah satu kewajipan seorang suami terhadap isterinya.

Buku ini menceritakan kewajipan nafkah dalam rumah tangga dengan membahagikan tajuk-tajuk di dalamnya kepada beberapa tajuk. Dalam buku ini terdapat tajuk-tajuk seperti kriteria seorang suami, peranan mereka dan panduan dalam mencari nafkah kepada isteri dan keluarga.

Terdapat juga cara-cara untuk mendidik isteri menjadi seorang yang solehah. Tajuk-tajuk lain dalam buku ini pula ditujukan kepada isteri, sebagai balasan terhadap nafkah yang telah diberikan oleh suami kepadanya untuk menjadi isteri yang bertanggungjawab dalam mengatur rumah tangga yang sempurna.

Dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah banyak digunakan dalam menguatkan dan memberi contoh terhadap setiap perkara yang ditulis oleh penulis. Tulisan ini adalah karya popular yang tiada percanggahan dengan hukum sedia ada tentang perkahwinan.

⁷² Karya ini ditulis oleh Muhammad Hafizuddin Thani pada tahun 2003. Ia adalah karya asal beliau. Ia diterbitkan oleh Penerbitan Seribu Dinar, Wilayah Persekutuan dan ia mempunyai 100 muka surat.

Karya Kelapan belas: *Formula Mengatasi Krisis Rumahtangga*⁷³

Setiap pasangan mendambakan sebuah rumah tangga yang bahagia, namun tiada yang terlepas daripada pergolakan malah ia adalah asam garam dalam kehidupan berumah tangga. Karya ini menghuraikan krisis rumah tangga yang sering dialami dan cara-cara menyelesaikannya mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah.

Perbincangan dalam buku ini lebih kepada hubungan antara dua pihak, iaitu suami isteri dalam menjaga rumah tangga mereka daripada berada dalam krisis yang boleh merosakkan dan menghancurkan hubungan rumah tangga mereka itu.

Pelbagai perbincangan yang disentuh seperti pengurusan masa, cinta, nafkah dan poligami. Buku ini merupakan bacaan santai dan mudah dalam perbincangan berkaitan membina rumah tangga bahagia dan cara mengatasi kemelut rumah tangga. Ia dapat dikategorikan sebagai bahan bacaan popular.

Karya Kesembilan belas: *Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga*⁷⁴

Penulis buku ini melihat pembentukan keluarga bukan sekadar naluri, seni atau warisan sahaja. Tetapi lebih jauh daripada itu iaitu sebagai sebuah institusi yang kompleks dan

⁷³ Karya ini adalah karya asal Haarun Arassid b. Hj. Tuskan pada tahun 2003. Penerbit yang menerbitkan karya beliau adalah Zebra Editions Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan. Ia mengandungi 201 muka surat.

⁷⁴ Karya ini adalah hasil tulisan Dr. Muhd. Fauzi Muhammad pada tahun 2003. Ia diterbitkan oleh Synergymate Sdn. Bhd. Selangor. Ia mempunyai 114 muka surat.

mempunyai prinsip, hukum, sistem, kaedah, etika dan estetika yang memastikan kewujudannya sah serta menjanjikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Buku ini agak berbeza daripada buku-buku lain kerana melibatkan pandangan mazhab Maliki, Syafii, Hanafi dan Hambali yang berkaitan dengan masalah keluarga.

Buku ini mengandungi peraturan-peraturan yang boleh membentuk keluarga bahagia sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT, antaranya pemilihan jodoh, pertunangan, akad perkahwinan, kuasa wali dan tanggungjawab suami isteri.

Penulisan buku ini juga dibuat bertujuan untuk membantu pegawai-pegawai akademik, pelajar-pelajar, mahkamah dan pasangan yang akan berkahwin untuk memperluas ilmu pengetahuan dalam bidang kekeluargaan Islam.

Buku ini dibahagikan kepada tujuh bab bermula daripada pertunangan, rukun nikah, perempuan yang haram dikahwini, wali, kufu, mas kahwin dan nafkah.

Setiap permasalahan dibincangkan dengan teliti dan rapi serta disertakan dengan perbincangan pendapat daripada ulama mazhab empat.

Karya ini hasil tulisan beliau semasa cuti sabbatical selama setahun dan beliau berjaya menghasilkan sebuah karya ilmiah yang memberi penerangan kepada pembaca tentang hukum-hukum yang ada dalam pembentukan keluarga.

Karya Kedua puluh: *Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga*⁷⁵

Karya ini adalah sambungan daripada karya sebelumnya iaitu “*Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga*”. Kalau buku terdahulu menceritakan hal berkaitan pembentukan keluarga yang merangkumi persoalan pertunangan, rukun nikah, perempuan yang haram dikahwini, wali, kufu, mas kahwin dan nafkah, buku ini pula membahaskan pembubaran keluarga.

Metode penulisan sama seperti buku sebelumnya di mana penulis mengeluarkan semuapan dengan empat mazhab tetapi tidak disokong pada mana-mana mazhab. Ia membuka satu dimensi baru dalam penulisan kerana ia membiarkan pembaca memahami sendiri isu yang dibincangkan dan memilih jalan yang sesuai dengan mereka.

Buku ini mempunyai enam bab, iaitu talak, perceraian, *khulu'*, *zihār*, *'Iddah*, *rujū'* dan *hadānah*. Perbincangan dalam setiap bab adalah terperinci dan banyak perbahasan ulama yang telah diutarakan oleh penulis.

Karya ini adalah hasil tulisan ilmiah beliau semasa cuti sabatikal dan sangat sesuai untuk pegawai-pegawai akademik, pelajar di institut pengajian tinggi, mahkamah syarak, pasangan yang akan dan yang telah mendirikan rumah tangga dan mereka yang ingin memperluas ilmu pengetahuan dalam bidang kekeluargaan Islam.

⁷⁵ Karya ini adalah hasil tulisan Dr. Muhd. Fauzi Muhammad pada tahun 2003. Ia diterbitkan oleh Synergymate Sdn. Bhd. Selangor. Ia mempunyai 168 muka surat.

Karya Kedua puluh Satu: *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*⁷⁶

Karya ini disusun untuk mencari sebab-sebab yang membawa kepada berlakunya perceraian di samping memperlihatkan cara-cara penyelesaian yang dilaksanakan melalui Mahkamah Syariah. Perbincangan tentang permasalahan ini dikupas daripada pelbagai sudut dan tumpuan kajian juga dibuat terhadap peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Undang-undang Keluarga Islam di Negeri-negeri di Malaysia.

Perbincangan di dalam buku ini dibahagikan kepada empat bab. Bab pertama memperihalkan tentang talak dalam Islam serta talak dalam keadaan tertentu seperti mabuk, marah dan bergurau. Dalam bab dua, huraian dibuat berkaitan pembubaran perkahwinan dan fasakh melalui mahkamah. Ia melibatkan pembubaran melalui qadhi berdasarkan sebab-sebab tertentu, *ilā'*, *li'ān*, *khulu'* dan *fasakh*.

Bab tiga khususnya membincangkan kesan-kesan yang berlaku akibat pembubaran perkahwinan yang melibatkan *mut'ah*, *'iddah*, *nafkah 'iddah* dan *rujū'*. Bab empat merupakan kajian yang dilakukan berkaitan pernikahan, perceraian dan *rujū'* di daerah Kuala Terengganu. Ia merangkumi sebab berlaku perceraian, punca dan jenis perceraian serta yang berlaku di daerah tersebut.

⁷⁶ Karya ini adalah hasil tulisan Salleh Ismail pada tahun 2003. Ia diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 251 muka surat.

Perbincangan dalam karya ini adalah berbentuk ilmiah tetapi skop perbincangan masih dalam mazhab Syafii tanpa merujuk kepada pandangan mazhab yang lain. Ini bermakna penulis masih mengekalkan pemikiran tradisional dalam penulisan beliau.

Karya Dua puluh Dua: *Islamic Family Law and Justice for Muslim Women*⁷⁷

Karya ini menerangkan undang-undang kekeluargaan Islam daripada empat buah Negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina. Perkara utama adalah berkenaan keadilan terhadap wanita dalam isu kekeluargaan. Ia mengandungi dua bahagian.

Bahagian pertama membincangkan isu-isu berkaitan kekeluargaan. Isu yang dibangkitkan adalah berhubung perkahwinan yang melibatkan kerelaan wanita untuk dikahwinkan dan persetujuan wali, perkahwinan campur, hak dan tanggungjawab suami isteri dan isu mas kahwin. Dalam kes poligami, perkara yang dibangkitkan adalah salah faham terhadap poligami dalam Islam dan amalan serta permasalahan yang berlaku di empat buah negara tersebut.

Perkara lain yang dibincangkan adalah berkaitan perceraian seperti talak, *ta'liq*, *khulu'* dan *fasakh*. Dalam hal berkaitan nafkah, ia membincangkan harta sepencarian dan pembayaran *mut'ah*. Berkenaan hak penjagaan anak (*hadānah*), perbincangan menjurus kepada siapa yang lebih berhak dalam penjagaan anak setelah berlaku perceraian dan permasalahan jika suami atau isteri berkahwin lain.

⁷⁷ Karya ini adalah hasil tulisan Hjh. Nik Noriani Nik Badli Shah pada tahun 2003. Ia diterbitkan oleh Sister In Islam, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 136 muka surat.

Bahagian kedua membincangkan isu berbangkit daripada perbincangan setiap topik yang dikemukakan serta strategi yang boleh diambil untuk mengubah dan memperbaiki sistem undang-undang kekeluargaan yang ada.

Penulis merupakan salah seorang pimpinan dalam SIS dan sering kali melontarkan hujah yang mempertikaikan kedudukan undang-undang keluarga Islam dalam memberikan keadilan kepada golongan wanita. Walaupun karya ini adalah ilmiah tetapi mempersoalkan hukum Allah seperti hukum poligami dan kuasa menceraikan terletak ditangan suami adalah haram dan boleh tergelincir daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

Karya Kedua puluh Tiga: *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam al-Syafi'i*⁷⁸

Karya ini secara keseluruhan menyentuh isu-isu berkaitan perkahwinan bermula daripada pemilihan pasangan, proses-proses sebelum pernikahan, semasa pernikahan serta perkara berbangkit selepas pernikahan.

Penulis telah menghuraikan setiap topik dengan jelas dan ringkas serta bersifat umum. Daripada pernikahan akan terhasillah kesan-kesannya. Antaranya seperti tanggungjawab, hak dan kewajipan sama ada dipihak suami atau isteri. Perbincangan dalam buku ini menjurus kepada syarat, rukun, hukum dan larangan dalam perkahwinan. Selain itu, isu poligami juga turut dinyatakan kerana ia sebahagian yang disyariatkan.

⁷⁸ Karya ini telah ditulis oleh Abul Khairy al-Latifi pada tahun 2000. Ia diterbitkan oleh Al-Hidayah Publishers, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 230 muka surat.

Tidak semua perkahwinan berlangsung hingga ke akhir hayat. Dalam sesetengah keadaan, perpisahan adalah jalan keluar terbaik setelah segala usaha yang dibuat gagal untuk mengharmonikan kedua-dua pasangan. Islam telah mensyariatkan beberapa cara untuk membubarkan perkahwinan berdasarkan kes-kes tertentu. Kaedah yang dinyatakan adalah *ṭalāq*, *ḡihār*, *li'ān* dan *īlā'*. Kesan daripada perceraian adalah seperti kewajipan beriddah bagi isteri dan nafkah bagi suami. Justeru, jenis-jenis *'iddah*, hikmah dan beberapa perkara berkaitannya turut dijelaskan. Isu lain yang berkaitan kekeluargaan seperti penentuan nasab keturunan, penyusuan dan pengambilan anak angkat turut dinyatakan.

Tajuk karya ini sendiri telah menyatakan bahawa perbincangan yang terdapat dalam karya ini adalah berpaksikan mazhab Syafii. Karangan ini mudah dibaca dan difahami oleh pembaca kerana pandangan dalam karya ini tidak bercanggah dengan kefahaman masyarakat setempat yang sudah berakar umbikan fahaman mazhab Syafii.

Karya Kedua puluh Empat: *Poligami Monogami*⁷⁹

Karya ini mengupas persoalan poligami dan monogami dari sudut agama dan pandangan masyarakat sedunia. Penulis merujuk kepada pendapat beberapa orang tokoh tentang pro dan kontra terhadap amalan poligami ini.

⁷⁹ Karya ini adalah hasil tulisan Mustaffa Suhaimi pada tahun 2004. Ia diterbitkan oleh Progressive Publishing House, Kuala Lumpur. Ia mempunyai 75 muka surat.

Dalam Islam, amalan ini dibolehkan dengan syarat-syarat tertentu antaranya suami mesti berlaku adil. Bagi pihak orientalis, poligami Rasulullah SAW telah menjadi wadah bagi mereka untuk memburukkan agama Islam. Justeru, buku ini menjawab segala tohmahan mereka dan sekali gus memberi penerangan tentang konsep poligami yang sebenar dalam Islam.

Antara lain yang disentuh dalam buku ini adalah berkaitan kebaikan berpoligami daripada melakukan kemungkaran dan maksiat seperti zina. Hikmah disebalik poligami Rasulullah SAW turut dinyatakan. Huraian tafsir al-Azhar berkaitan poligami juga dibahaskan. Begitu juga dengan manfaat dan mudarat berpoligami.

Karya Kedua puluh Lima: *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan*⁸⁰

Karya ini membincangkan topik kekeluargaan secara menyeluruh daripada segi aturannya berlandaskan hukum syarak. Bermula daripada sebelum berlangsung perkahwinan, kemudian peringkat semasa dalam perkahwinan dan seterusnya sesudah berlaku perpisahan antara suami isteri, penulis telah menghuraikannya secara terperinci merangkumi aspek aturan, syarat serta hak dan tanggungjawab suami isteri. Penulisan ini turut melibatkan isu-isu semasa tentang kekeluargaan dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia.

⁸⁰ Karya ini adalah hasil tulisan Dr. Mat Saad Abd. Rahman pada tahun 2006. Ia diterbitkan oleh Intel Multimedia And Publication, Selangor. Ia mempunyai 288 muka surat.

Penulisan buku ini adalah secara berperingkat menurut aturan perkahwinan. Peringkat pertama adalah merisik dan bertunang. Segala aspek berkaitannya telah disentuh secara terperinci. Peringkat kedua adalah perkahwinan. Segala rukun, syarat, hak dan tanggungjawab serta hal-hal berkaitan perkahwinan seperti *mahar*, *walimah* dan lain-lain turut dibincangkan.

Pada peringkat ketiga, fokus perbincangan adalah berkenaan perceraian serta isu-isu berbangkit seperti kesan, *idah*, *nafkah*, *mut'ah*, *rujū'* dan lain-lain. Seterusnya perbincangan menjurus kepada isu-isu semasa berkaitan keluarga Islam. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti sijil kesihatan perkahwinan, kahwin lari, nikah palsu, konflik rumah tangga dan lain-lain.

Selain menggunakan ayat al-Quran dan al-sunnah serta pandangan ulama daripada pelbagai mazhab. Penulis turut membawakan fatwa daripada mufti di Malaysia memandangkan kajiannya adalah khusus kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Karya Kedua puluh Enam: *Perceraian Secara Fasakh: Konsep dan Amalan di Malaysia*⁸¹

Perkahwinan adalah satu ikatan murni antara seorang lelaki dan wanita untuk hidup bersama dalam sebuah rumah tangga. Kedua-dua pihak perlu berusaha dalam menjaga ikatan tersebut agar terus berkekalan.

⁸¹ Karya ini adalah hasil tulisan Nurhidayah Muhd Hashim pada tahun 2006. Ia diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor. Ia mempunyai 159 muka surat.

Namun begitu, kadang kala rumah tangga bergolak disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak disangka. Apabila diperlukan, perceraian adalah satu jalan terbaik dalam menyelesaikan masalah ini. Terdapat beberapa kaedah perceraian yang dibenarkan dalam Islam iaitu talak, cerai taklik, *khulu'* dan *fasakh*.

Fasakh ini adalah satu jenis perceraian dengan menggunakan kuasa Mahkamah. Buku ini menyentuh tentang peruntukan *fasakh* di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 serta kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara khusus.

Dibahagikan kepada enam bab, buku ini dimulakan dengan perbincangan tentang perkahwinan dan perceraian dalam Islam. Turut diselitkan dalam bab ini adalah fungsi perkahwinan dalam menjaga hubungan antara dua insan.

Dalam bab kedua pula, penulis membincangkan perceraian *fasakh* menurut hukum syarak. Perbezaan antara *fasakh* dan talak dibincangkan secara terperinci dalam bab ini.

Kemudian dalam bab ketiga, dibincangkan juga alasan-alasan *fasakh* oleh fuqaha dalam pendapat-pendapat mereka yang berbeza. Bab keempat adalah bab yang menjelaskan peruntukan *fasakh* dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia, dan bab kelima adalah analisis daripada *fasakh* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Bab keenam pula tentang prosedur yang perlu diikuti dalam *fasakah* dan diikuti dengan rumusan dan saranan daripada penulis.

Karya Kedua puluh Tujuh: *Fikah Kekeluargaan*⁸²

Karya fiqh ini adalah hasil karya dua pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang membuat penyelidikan dalam bidang fiqh munakahat dan kekeluargaan. Penulisan buku ini memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk utama yang sering dibincangkan dan diberi tumpuan terhadap undang-undang Islam secara keseluruhan.

Buku ini dibahagikan kepada 15 bab yang merangkumi tajuk-tajuk seperti pengenalan kepada perkahwinan, galakan berumahtangga, rukun-rukun nikah, perempuan-perempuan yang haram dikahwini, mas kahwin, nafkah, pembubaran perkahwinan, ‘*iddah* dan berkabung, *rujū*’, *zihār* dan *ilā*’, pengasuhan anak, tuntutan harta, status kanak-kanak dan konsep nasab dalam Islam.

Karya Kedua puluh Lapan: *Munakahat: Undang-undang & Prosedur*⁸³

Karya Munakahat: Undang-undang & Prosedur ini ditulis untuk memberikan kefahaman yang jelas mengenai persoalan nikah cerai serta perkara-perkara berkaitan dengannya berdasarkan al-Quran dan al-Hadis serta pendapat ulama yang muktabar.

⁸² Karya ini adalah hasil tulisan Mohammad Som bin Sujiman dan Abdul Basir bin Mohamad pada tahun 2006. Ia diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan UIA, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 278 muka surat.

⁸³ Karya ini adalah hasil tulisan Dr. Hj Mohd Redzuan Ibrahim pada tahun 2006. Ia diterbitkan oleh DRI Publishing House, Selangor. Ia mempunyai 266 muka surat.

Di samping itu, beberapa kes yang diputuskan dimahkamah yang berkaitan dengan perkara tersebut juga dibincangkan. Antara tajuk yang dimuatkan di dalam buku ini ialah, perkahwinan menurut pandangan Islam, hak suami isteri semasa perkahwinan, perceraian menurut pandangan Islam dan hak suami, isteri dan anak selepas perceraian.

Selain itu, satu bab yang khusus ditulis bagi membincangkan kuasa Mahkamah Syariah serta prosedur memfailkan kes mengikut tatacara Mahkamah Syariah, bagi memudahkan para pembaca memahami dan mematuhi prosedur pemfailan kes di Mahkamah Syariah.

Karya Kedua puluh Sembilan: *Soal Jawab Remeh temeh Tentang Nikah Kahwin*

Tapi Anda Malu Bertanya⁸⁴

Karya “*Soal Jawab Remeh temeh Tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya*” ini merupakan buku soal jawab yang secara keseluruhannya mengolah persoalan berkenaan perkahwinan.

Walaupun buku-buku lain yang membincangkan soal perkahwinan banyak terdapat di pasaran namun buku karangan penulis ini dipersembahkan dalam bentuk yang cukup menarik. Metod soal jawab yang digunakan sebagai tatacara persembahan buku ini menjadikan pembaca tidak berasa jemu beralih daripada satu soalan kepada soalan yang lain.

⁸⁴ Karya ini adalah hasil tulisan Mohammad Nidzham Abdul Kadir pada tahun 2006. Ia diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan. Ia mempunyai 163 muka surat.

Keistimewaan buku ini terletak pada gaya bahasa yang digunakan di mana ia mudah, ringkas dan bersahaja agar mudah difahami dan pembaca akan berasa seronok dan berminat untuk membaca. Penulis menghuraikan berbagai-bagai persoalan termasuk perkara-perkara yang agak rumit tetapi disampaikan dengan cara yang selesa dan mudah diterima oleh pembaca.

Di tambah lagi dengan ilustrasi kata dan gambar isi menjadikan buku ini lebih mudah difahami umum. Pembacaan boleh dilakukan secara santai dan tidak memberatkan. Hasilnya, mereka yang membaca buku ini akan memperoleh ilmu pengetahuan di samping kepuasan kerana keperluan sebenar berkenaan perkahwinan telah dipenuhi.

Karya Ketiga puluh: *Soal Jawab Muda Mudi Tentang Percintaan & Pertunangan, Antara Halal dan Haram*⁸⁵

Kupasan jawapan bagi soalan-solan yang dikemukakan di dalam buku ini begitu menarik dan jawapannya padat dan ringkas. Soalan-soalan yang ditanya semuanya berkaitan dengan alam percintaan dan pertunangan. Penulis sentiasa memberikan jawapan dengan menyelitkan hukum daripada sudut halal dan haram dalam sesuatu perbuatan antara muda mudi semasa alam percintaan dan perkahwinan.

⁸⁵ Karya ini ditulis oleh Juraish Kamaruddin pada tahun 2008. Beliau merupakan Ketua Unit Syariah, Bahagian Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor. Ia merupakan karya asal beliau. Penerbitnya adalah Darul Minhaj Publisher, Selangor. Ia mempunyai 169 muka surat.

Buku ini amat sesuai dibaca oleh golongan muda mudi yang sering alpa, keliru dan hanyut dalam alam percintaan mahupun pertunangan. Ini kerana persoalan cinta sering menjadi mainan bibir setiap muda mudi yang bakal berkahwin. Akibat daripada kejahilan dan pengaruh kehidupan moden, maka mereka sering bertindak di luar batas hukum. Masih terdapat salah faham dalam kalangan mereka yang menyangkakan pertunangan adalah tiket untuk melakukan apa sahaja.

Oleh yang demikian, buku ini sesuai dijadikan panduan kepada mereka yang ingin melayari bahtera percintaan agar tidak menyimpang daripada panduan Islam. Dalam buku ini kupasan hukum yang agak mendalam akan diberikan supaya muda mudi lebih memahami tahap halal haram sesuatu hukum. Penjelasan juga turut ditambah dengan nasihat, contoh dan tips yang berguna. Ini adalah penting bagi menunjukkan mereka jalan yang lurus dan terang.

Karya Ketiga puluh Satu: *Memahami Hukum Zihār dan Ilā'*⁸⁶

Karya ini adalah satu buku yang menyingkap hukum *zihār dan ilā'* dalam Islam secara mendalam, bersesuaian dengan budaya di Malaysia. Penjelasan yang dibuat di dalam buku ini adalah berdasarkan qaul dalam mazhab Syafii yang sudah sehati dan menjadi amalan masyarakat Islam di Malaysia. Penjelasan tentang kedua-duanya dibuat secara terperinci dengan mendatangkan pelbagai hal tentang perkara ini menerusi bab-bab yang tersusun.

⁸⁶ Karya ini adalah hasil tulisan Juraish Kamaruddin al-Muhami pada tahun 2008. Ia diterbitkan oleh Darul Minhaj Publisher, Selangor. Ia mempunyai 205 muka surat.

Penulisan ini turut diselitkan dengan perbahasan menurut undang-undang di Malaysia bagi memudahkan para pembaca. Turut dimuatkan di dalam buku ini adalah cadangan-cadangan bagi mewujudkan enakmen undang-undang yang berkaitan dengan *zihār dan ilā'* ini.

Karya Ketiga puluh Dua: 140 Masalah Keluarga & Bagaimana Cara Mengatasinya⁸⁷

Karya ini mengupas permasalahan dalam kehidupan pasangan suami dan isteri selepas berumahtangga. Pada bahagian awal buku ini, penulis memaparkan beberapa kisah perselisihan faham antara Rasulullah SAW dengan isteri-isteri Baginda dan bagaimana Baginda mengatasi masalah ini dengan penuh berhemah.

Seterusnya penulis membahaskan beberapa permasalahan dalam rumah tangga moden kini. Permasalahan ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama. Antaranya penulis menyentuh tentang permasalahan etika suami isteri, penyatuan suami isteri, masalah tingkah laku, masalah kewangan dan lain-lain lagi. Permasalahan-permasalahan yang wujud ini sentiasa berlaku dalam kehidupan pasangan suami isteri.

Seterusnya penulis mengupas tentang pengaruh dan kesan perselisihan suami isteri, antaranya pengaruh terhadap anak-anak, hilang rasa cinta serta putusnya hubungan tali persaudaraan. Seterusnya antara bahagian akhir buku ini, penulis

⁸⁷ Karya ini adalah nukilan Abu Muhammad Nabil bin Muhammad Mahmud pada tahun 2008. Ia merupakan karya asli beliau. Penerbit bagi karya ini adalah Perniagaan Jahabersa, Johor. Ia mempunyai 263 muka surat.

mengupas tentang saranan dan nasihat ketika terjadinya perselisihan, hikmah di sebalik perselisihan serta kajian ulama tentang keluarga bahagia. Secara keseluruhannya penulis mengambil kisah-kisah teladan dalam kehidupan Rasulullah SAW sebagai kupasan utama dalam beberapa permasalahan.

3.3 PENUTUP

Daripada ulasan karya-karya di atas, pengkaji mendapati para karyawan mempunyai kekuatan masing-masing dalam mengulas sesuatu isu dan maklumat yang berkaitan dengan munakahat. Hasil penulisan karya-karya ini, pengkaji dapat membahagikan penulisan munakahat yang diterbitkan di Malaysia ini kepada tiga persoalan kajian pengkaji iaitu; pertama, mengklasifikasikan karya-karya yang dihasilkan itu sama ada ilmiah atau sekadar tulisan bersifat popular. Kedua, pembahagian tema perbincangan dalam setiap karya yang dihasilkan dan ketiga ialah mengesan aliran pemikiran yang diterapkan dalam setiap penulisan berkenaan.

BAB 4

ANALISIS KARYA-KARYA FIQH MUNAKAHAT DI MALAYSIA 1998-2008

4.1 PENDAHULUAN

Setelah pengkaji mengumpulkan karya-karya munakahat yang telah diterbitkan sepanjang tahun 1998-2008, pengkaji menganalisis karya-karya tersebut dan menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan. Di bawah ini pengkaji menyatakan beberapa jenis analisis dan dapatan kajian terhadap karya-karya berkenaan.

4.2 KLASIFIKASI KARYA FIQH MUNAKAHAT 1998-2008

Pengkaji mendapati penulisan karya munakahat sepanjang tempoh kajian dapat dibahagikan kepada dua bentuk penulisan, iaitu penulisan ilmiah dan penulisan popular. Menurut American Psychological Association⁸⁸ (2001), penulisan ilmiah adalah suatu bentuk penulisan formal untuk mempersembahkan sesuatu ide, konsep, kajian melibatkan penulis merujuk kepada sesuatu sumber yang ada autoriti seperti buku-buku ilmiah, jurnal dan majalah penulisannya.

Menurut buku *Panduan Menulis Tesis*⁸⁹ (2001) pula, penulisan ilmiah merupakan satu penulisan bersifat akademik seperti projek Sarjana Muda, Laporan

⁸⁸ American Psychological Association, *Publication Manual of the American Psychological Association*. 5th ed. (Washington, D.C. Author, 2001).

⁸⁹ Universiti Teknologi Malaysia, *Panduan Menulis Tesis* (Skudai, Johor: Penerbit UTM, 2001).

Projek Sarjana, Tesis atau Disertasi Penyelidikan sebagai memenuhi keperluan kurikulum bagi pengajian secara kerja kursus mahu pun penyelidikan.

Pusat Dokumentasi dan Informasi Ilmiah⁹⁰ (1995) di Jakarta pula menyatakan bahawa karangan ilmiah adalah salah satu jenis karangan yang berisi serangkaian hasil pemikiran yang diperoleh sesuai dengan sifat keilmuannya yang melibatkan hasil penelitian, pengamatan atau pun peninjauan.

Daripada definisi di atas menjelaskan bahawa penulisan ilmiah itu adalah bersifat akademik dan mempunyai pandangan kritis dari penulisnya serta mempunyai bahan rujukan yang banyak. Ini memberi erti bahawa penulisan popular pula suatu bentuk penulisan biasa yang tidak mempunyai garis panduan tertentu dalam penulisan tersebut. Perbahasannya hanya dengan cara mengeluarkan segala pandangan para ulama tanpa membuat analisis berkaitan dengan pandangan tersebut.

Pengkaji telah menjalankan analisis terhadap karya fiqh munakahat dalam tempoh yang dikaji daripada sudut hasil karya tersebut, yakni adakah bersifat ilmiah atau popular. Rumusannya seperti dalam jadual 3 di bawah.


⁹⁰Pusat Dokumentasi dan Informasi ilmiah (1995), *Pedoman Penulisan Skripsi*, Jakarta; LIPI.

Jadual 3: Klasifikasi Karya-karya Fiqh Munahakahat 1998-2008

Bil	Judul karya	Ilmiah	Popular
1.	Pernikahan dan Perkahwinan Yang Membahagiakan	-	Popular
2.	Marriage and Divorce Under Islamic Law	Ilmiah	-
3.	Pengenalan Hukum Nikah Kahwin	-	Popular
4.	Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Islam	-	Popular
5.	Hitam Putih Poligami	-	Popular
6.	Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam	-	Popular
7.	Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean	Ilmiah	-
8.	Pendidikan Rumah tangga	Ilmiah	-
9.	Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah	Ilmiah	-
10.	Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumahtangga	-	Popular
11.	Panduan Lengkap Bakal Pengantin dan Keluarga Bahagia	-	Popular
12.	Perkahwinan Dalam Islam	Ilmiah	-
13.	Perkahwinan dan Perceraian di Bawah Undang-undang Islam	Ilmiah	-
14.	Islam and Polygamy	Ilmiah	-
15.	Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam	Ilmiah	-
16.	Islam dan Perancangan Keluarga	Ilmiah	-
17.	Panduan Mencari Nafkah Yang Diberkati	-	Popular
18.	Formula Mengatasi Krisis Rumahtangga	-	Popular
19.	Undang-undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga	Ilmiah	-
20.	Undang-undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga	Ilmiah	-
21.	Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam	Ilmiah	-
22.	Islamic Family Law And Justice For Muslim Women	Ilmiah	-

Bil	Judul karya	Ilmiah	Popular
23.	Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam As-Syafi'e	-	Popular
24.	Poligami Monogami	-	Popular
25.	Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan	Ilmiah	-
26.	Perceraian Secara Fasakh: Konsep dan Amalan di Malaysia	Ilmiah	-
27.	Fikah Kekeluargaan	Ilmiah	-
28.	Munakahat: Undang-undang Prosedur	Ilmiah	-
29.	Soal Jawab Remeh temeh Tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya	-	Popular
30.	Soal Jawab Muda Mudi Tentang Percintaan & Pertunangan Antara Halal dan Haram	-	Popular
31.	Memahami Hukum Zihar dan Ila'	-	Popular
32.	140 Masalah Keluarga & Bagaimana Cara Mengatasinya	-	Popular

Carta 1: Klasifikasi Karya Fiqh Munakahat 1998-2008



Daripada jadual 3 di atas, pengkaji mendapati sebanyak 17 naskhah karya adalah karya ilmiah dan 15 naskhah karya yang lain adalah karya popular. Kemudian pengkaji membuat perbandingan dalam carta 1 yang menunjukkan 53% naskhah adalah karya ilmiah berbanding 47% judul karya merupakan karya popular. Tema yang banyak

dihasilkan oleh penulis dalam penulisan ilmiah adalah undang-undang keluarga Islam, yang melibatkan permasalahan perceraian, penjagaan anak selepas perceraian dan isu poligami yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai penindasan kepada golongan wanita.

Kemudian karya popular pula banyak ditulis dalam bentuk memberi panduan perkahwinan seperti tulisan Mohammad Nidzham Abdul Kadir yang bertajuk "*Soal Jawab Remeh temeh Tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya*". Pengkaji mendapati penulisan popular sangat sesuai bagi tajuk ini kerana muda mudi yang mencari buku sewaktu di ambang perkahwinan, memerlukan bahan bacaan yang santai.

Dapatan di atas menunjukkan bahawa penulisan ilmiah dan popular mempunyai pembacanya tersendiri. Pengkaji menyimpulkan bahawa bahan bacaan karya ilmiah adalah suatu yang berat dan memerlukan penelitian sepenuhnya dalam memahami karya tersebut Manakala karya popular pula bahan bacaannya adalah ringan dan santai. Ia mudah difahami dan biasanya bentuk persembahannya adalah menarik.


4.3 ANALISIS TEMA DALAM KARYA FIQH MUNAKAHAT TAHUN 1998-2008

Daripada penelitian dan pembacaan, pengkaji juga mendapati terdapat empat tema utama yang menjadi pilihan para penulis dalam menghasilkan karya masing-masing. Untuk mendapatkan tema-tema berkenaan, pengkaji telah membaca dan melihat fokus penulis dalam karya masing-masing dan tajuk kepada karya mereka. Empat tema

tersebut ialah tema panduan perkahwinan, tema pembentukan dan pembubaran perkahwinan, tema poligami dan tema undang-undang perkahwinan.

Hasil penelitian terhadap karya Fiqh Munakahat yang dihasilkan sepanjang tahun 1998-2008, setiap hasil karya mengandungi salah satu tema yang dinyatakan di atas. Pembahagian tema dapat dilihat daripada carta 2 di bawah ini:

Carta 2: Pembahagian Tema Dalam Karya Fiqh Munakahat 1998-2008



Berdasarkan carta 2 di atas, didapati bahawa tema yang paling banyak diterbitkan adalah tema panduan rumahtangga, iaitu sebanyak sepuluh buah, kemudian tema pembentukan dan pembubaran keluarga serta tema undang-undang perkahwinan masing-masing sebanyak lapan buah karya, dan diikuti tema poligami sebanyak enam buah karya sahaja. Ulasan dan huraian tentang kesemua tema utama penulisan karya fiqh munakahat ialah:

a. Panduan Rumah tangga:

Tema panduan rumah tangga dalam penulisan fiqh munakahat ini membicarakan perkara asas dalam sesuatu perkahwinan seperti maksud perkahwinan, hikmat perkahwinan, pertunangan dan lain-lain lagi sebagai panduan bagi pemuda dan pemudi yang ingin melangsungkan perkahwinan mereka.

Karya-karya bagi tema ini adalah penting walaupun cara persembahannya kelihatan santai dan mudah, tetapi ianya memberi banyak faedah kepada mereka yang bakal bergelar suami isteri.

Terdapat 10 buah karya yang mencakupi tema Panduan Rumah tangga. Tajuk-tajuk karya yang menggunakan tema ini adalah seperti dalam jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Tema Panduan Perkahwinan

Bil	Judul Karya
1.	Pendidikan Rumah tangga
2.	Pengenalan Hukum Nikah Kahwin
3.	Formula Mengatasi Krisis Rumah tangga
4.	Panduan Mencari Nafkah Yang Diberkati
5.	140 Masalah Keluarga & Bagaimana Cara Mengatasinya.
6.	Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Islam.
7.	Panduan Lengkap Bakal Pengantin dan Keluarga Bahagia
8.	Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumah tangga
9.	Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya
10.	Soal Jawab Muda Mudi Tentang Percintaan & Pertunangan: Antara Halal dan Haram

Perbicaraan dalam bidang ini berkisar pada persiapan untuk menghadapi rumah tangga sebagai suami atau isteri serta tanggungjawab masing-masing. Terdapat juga penulis yang memberikan tips tentang kebahagiaan rumah tangga, khususnya kepada pasangan yang akan melayari bahtera perkahwinan.

Karya ini turut memberikan pendedahan tentang rencam rumah tangga dan situasi yang bakal dihadapi oleh pasangan yang mahu mendirikan rumah tangga. Panduan berkaitan sangat berguna kepada bakal mempelai kerana ia memberi maklumat dan ilmu secara langsung oleh penulis. Kebanyakan individu malu untuk bertanya kepada mereka yang berpengalaman seperti ibu bapa mereka atau keluarga yang terdekat.

Kata pengantar oleh Aluwi Parman⁹¹ bahawa dalam karya “*Soal Jawab Muda-Mudi Tentang Percintaan & Pertunangan*” menggunakan metode soal jawab yang berbentuk santai dan bersahaja tetapi sarat dengan ilmu dan hukum-hakam, ditambah dengan celoteh, dialog jenaka dan kata-kata hikmah yang menjadikan buku ini sungguh unik dan tidak jemu untuk dibaca.

Pengkaji mendapati dalam tema panduan perkahwinan ini, penulisan karya tidak membawa masyarakat untuk berfikir luar daripada kotak aliran pemikiran *tradisional*, iaitu pemikiran mazhab Syafii. Ini juga membawa maksud bahawa penulisan dalam

⁹¹ Sahib al-Fadhilah Tuan Haji Aluwi b. Parman, Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian & Ruju' Orang Islam, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.

tema ini tiada apa-apa pertentangan dari segi aliran pemikiran dan ironinya masyarakat seolah-olah sependapat dan tidak menimbulkan konflik dalam masyarakat.

b. Pembentukan dan Pembubaran Perkahwinan

Dalam bidang ini, pengkaji mendapati terdapat lapan buah karya yang membicarakan perkahwinan dan perceraian secara khusus. Kebanyakan penulis mengutarakan persoalan perkahwinan yang bermula daripada pemilihan pasangan, pertunangan, mas kahwin, pernikahan, wali serta tanggungjawab suami isteri serta ada perbincangan hukum yang berkaitan.

Persoalan berkenaan dengan perceraian pula berlegar perbicaraannya berkaitan dengan hukum-hukum talak, jenis talak, rujuk dan hak penjagaan anak selepas bercerai (*haḍānah*). Antara penulisan yang membicarakan tema ini adalah seperti karya-karya berikut:

Jadual 5: Tema Pembentukan dan Pembubaran Perkahwinan

Bil	Judul Karya
1.	Fikah Kekeluargaan
2.	Perkahwinan Dalam Islam
3.	Memahami Hukum <i>Zihār</i> dan <i>Ilā'</i>
4.	Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Syafii
5.	Pernikahan dan Perkahwinan yang Membahagiakan
6.	Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Keluarga Islam
7.	Perceraian secara <i>Fasakh</i> : Konsep dan Amalan di Malaysia
8.	Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam

Perbicaraan dalam tema ini masih lagi mengekalkan corak pemikiran tradisionalis yang mengeluarkan hukum menurut pendapat dan pandangan mazhab syafii yang menjadi ikutan masyarakat dan mazhab yang paling dominan di Malaysia. Contohnya seperti karya *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam Syafii*.

c. Poligami

Secara terminologi, poligami berasal daripada bahasa Yunani, iaitu terdiri daripada dua suku kata *poly* dan *gamien*. *Poly* membawa maksud banyak dan *gamien* pula bererti kahwin. Kahwin banyak disini bermaksud seorang lelaki mengahwini beberapa orang wanita.⁹²

Poligami sering disalah ertikan oleh kebanyakan wanita. Ia dilihat sebagai suatu penindasan kepada kaum hawa dan ada sesetengah dari masyarakat Barat yang mengharamkan poligami dan membenarkan *monogami*. Maka penjelasan terhadap perkara di atas telah dihuraikan dengan panjang lebar, seperti penulisan dalam karya *Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah SAW*.

⁹² Bibit Suprpto. Liku-liku Poligami (Yogyakarta: Al Kautsar, 1990), 11.

Terdapat enam buah karya yang membicarakan mengenai tema poligami seperti dalam jadual 6:

Jadual 6: Tema Poligami

Bil	Judul Karya
1.	Islam and Poligamy
2.	Poligami Monogami
3.	Hitam Putih Poligami
4.	Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam
5.	Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah SAW
6.	Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam

Zaitun Mohamed Kasim,⁹³ wakil SIS berkata bahawa prasyarat berpoligami adalah berdasarkan petikan ayat: “... *Kemudian jika kalian khawatir tidak akan dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja*”.⁹⁴ Beliau mendakwa, ayat ini diturunkan untuk membenarkan kaum lelaki Muslim berpoligami kerana pada ketika itu, ramai dikalangan isteri-isteri di Madinah yang kehilangan suami kerana mati syahid di dalam Perang Uhud.

Daripada penafsiran ini, “berlaku adil” itu adalah prasyarat bagi mana-mana lelaki Muslim yang hendak melakukan poligami. Jika mereka tidak mampu untuk berlaku adil, maka mereka tidak boleh meneruskan niat mereka untuk berpoligami.

⁹³ Petikan ucapan beliau dalam Seminar ERA Consumer pada 26 September 2002 di Dungun, Terengganu.

⁹⁴ Sūrah al-Nisā’ 4 : 3

Hujah SIS tidak terhenti setakat itu sahaja. Kalau boleh, mereka ingin terus menghentikan amalan poligami. Ini adalah kerana, pada pandangan mereka tidak seorompok lelaki di dunia ini yang mampu berlaku adil.

Mereka menyandarkan pandangan tersebut kepada firman Allah yang bermaksud, “*Kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu, walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian*”.⁹⁵ Daripada penafsiran SIS, ayat ini membuktikan bahawa tidak ada mana-mana lelaki di muka bumi ini yang akan mampu untuk bersikap adil terhadap isteri-isteri mereka.

Dan disebabkan ‘berlaku adil’ itu adalah satu prasyarat, serta tidak ada mana-mana lelaki Muslim yang dapat memenuhi prasyarat tersebut, maka amalan poligami ini mesti dihentikan sama sekali.

Pandangan SIS pada firman Allah SWT, “*Nikahilah oleh kamu wanita-wanita (lain) yang kamu senangi dua, tiga, atau empat. Akan tetapi, jika kamu khawatir tidak akan dapat berlaku adil maka nikahilah seorang saja.*” (Sūrah al-Nisā’ 4: 3), telah di tolak oleh pandangan kebenaran berpoligami di dalam ayat ini bersifat mutlak. Ia bukanlah diturunkan semata-mata untuk membenarkan isteri-isteri yang kehilangan suami ketika Perang Uhud dikahwini sebagai isteri kedua, ketiga atau keempat. Ia diturunkan adalah untuk menghadkan bilangan maksimum isteri kepada empat orang. Ini adalah kerana, sebelum ayat ini diturunkan, Islam membenarkan seseorang lelaki Muslim mempunyai lebih daripada empat orang isteri sehingga tidak ada dalil yang

⁹⁵ Sūrah al-Nisā’ 4 : 129

menghadkannya. Ayat ini kemudiannya diturunkan untuk membataskan jumlah tersebut kepada empat orang.

Berkenaan meletakkan ‘berlaku adil’ sebagai prasyarat untuk membolehkan seseorang lelaki Muslim berpoligami seperti mana yang diutarakan oleh Zaitun Mohamed Kasim, hujah ini ternyata timbul dari golongan *feminisme* yang berhasrat membela kaum wanita tetapi tidak memahami nas dengan benar.

Adapun firman Allah dalam al-Nisā’ yang bermaksud, “*Kemudian jika kamu khuatir tidak akan dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja*”, sebenarnya maksud ‘berlaku adil’ di dalam ayat ini bukan merupakan ‘prasyarat’ untuk berpoligami, tetapi ‘berlaku adil’ itu adalah suatu perintah/hukum berasingan yang dikenakan ke atas lelaki Muslim yang mengamalkan poligami, bukannya syarat ke atas poligami itu sendiri. Dengan kata lain, mana-mana lelaki yang gagal berlaku adil (setelah berpoligami) adalah berdosa. Ini kerana dia telah tidak mematuhi perintah Allah SWT agar ‘berlaku adil’ di dalam perkahwinan poligaminya. Maka mereka akan dihukum sesuai dengan kesalahan yang mereka lakukan.

Tambahan lagi, jika dikaji ayat di atas, ia menunjukkan terdapat petunjuk bahawa kebenaran poligami itu tidak digabungkan dengan perintah bersikap adil. Ini ditunjukkan melalui ungkapan, “*Nikahilah wanita-wanita (lain) yang kalian senangi dua-dua, tiga-tiga, atau empat-empat*”. Ayat ini mengandungi pengertian mengenai kebolehan berpoligami secara mutlak. Ayat ini sendiri telahpun sempurna sebagai satu ayat.

Manakala kemudiannya barulah di sambung, “*Kemudian jika kamu khuatir*”, di mana kalimah ini merupakan kalimah yang berasingan dan tidak ada hubungan terus dengan kalimah sebelumnya iaitu ia sebagai *kalām mustaknif* (kalimat lanjutan). Jika ia menjadi syarat, maka ayat tersebut sudah tentu berbentuk lain, umpamanya, “*Nikahilah wanita-wanita yang kalian senangi dua-dua, tiga-tiga, atau empat-empat asalkan/jika kalian dapat berlaku adil*”. Tetapi ternyata, kefahaman ayat itu bukan sedemikan.

Hukum poligami dan ‘berlaku adil’ datang sebagai satu ‘pakej’. Pakej ini tidak ditawarkan secara berasingan. Maksudnya jika hendak berpoligami, mestilah berlaku adil. Sekiranya hendak berpoligami tetapi tidak mahu bersikap adil, maka adalah lebih baik seseorang lelaki itu untuk tidak berpoligami. Masakan hendak berpoligami tetapi enggan bersikap adil. Inilah yang dimaksudkan dengan Allah melarang lelaki Muslim untuk berkahwin lebih daripada seorang isteri jika mereka khuatir tidak mampu bersikap adil.

Adapun firman Allah, “*Kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu, walaupun kamu sangat ingin berbuat demikian*”,⁹⁶ ayat ini juga turut diketengahkan oleh Zaitun Mohamed Kasim sebagai hujah untuk membuktikan bahawa tidak ada lelaki yang mampu bersikap adil.

Inilah natijah dari penafsiran akal yang dipandu oleh hawa yang dibuat oleh pihak SIS. Mereka menafsirkan makna ‘adil’ mengikut kehendak hawa mereka, bukannya merujuk kepada nas. Walhal terdapat banyak hadis Rasulullah SAW yang

⁹⁶ Sūrah al-Nisā’ 4: 129

menjelaskan maksud ‘adil’ dalam ayat di atas. Maksud adil di dalam ayat di atas sebenarnya berhubung dengan keadilan pembahagian cinta dan kasih sayang. Maksudnya, seseorang lelaki itu sesungguhnya tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isterinya di dalam pembahagian cinta dan kasih sayang. Merujuk kepada ayat di atas, Ibn ‘Abbas RA menjelaskan bahawa Nabi SAW pernah menyatakan: “*Yakni di dalam masalah cinta dan persetubuhan*”.

Imam Ibn Kathīr⁹⁷ menjelaskan bahawa Rasulullah SAW sendiri lebih cenderung terhadap (mencintai) ‘Aisyah berbanding isteri-isterinya yang lain, berdasarkan beberapa hadis riwayat Imam Aḥmad dan Ahli Sunan yang lain. Meskipun demikian, ia tidak mengakibatkan hak-hak isteri yang lain terabai. Keadilan yang diwajibkan kepada seseorang suami adalah bersikap seimbang di antara para isterinya sesuai dengan kemampuan yang ada pada dirinya. Ini termasuklah di dalam hal giliran bermalam, memberi makan, pakaian dan tempat tinggal dan lain-lain yang berkaitan. Jika pihak suami gagal berlaku adil di dalam hal-hal ini, maka mereka boleh dihukum.

d. Undang-undang Perkahwinan

Pengkaji mendapati karya yang bertemakan undang-undang perkahwinan ini kebanyakannya merupakan kajian kes yang berlaku di mahkamah. Perkara yang ditimbulkan adalah kes perceraian dan penjagaan anak selepas perceraian (*haḍānah*). Contohnya, karya yang bertajuk *Munakahat: Undang-undang Prosedur* oleh Dr. Hj Mohd Redzuan Ibrahim tidak membicarakan hal-hal perkahwinan secara literatur tetapi mendatangkan kes-kes yang berlaku di mahkamah sebagai bahan rujukan kes untuk

⁹⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* (Kuala Lumpur: Pustaka Imam Syafi‘i, 2008), 1 : 696.

mereka yang bercerai. Ini kerana dalam buku tersebut turut menjelaskan prosedur dan langkah penyelesaian terhadap kes perceraian yang berlaku.

Akan tetapi, buku *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN* oleh Abdul Monir Yaacob pula, ia telah mengumpulkan maklumat dan perbezaan undang-undang kekeluargaan Islam di negara-negara ASEAN. Dalam buku ini dijelaskan juga tentang kedudukan wanita ASEAN dalam keluarga Islam. Penulis menyatakan Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai undang-undang keluarga yang terbaik di kalangan negara-negara tersebut.

Karya yang menggunakan tema ini adalah lapan buah karya yang terhasil sepanjang tempoh kajian selama 10 tahun. Antara karya-karya tersebut ialah:

Jadual 7: Tema Undang-undang Perkahwinan

Bil	Judul Karya
1.	Islam dan Perancangan Keluarga
2.	Munakahat, Undang-undang Prosedur
3.	Marriage and Divorce Under Islamic Law
4.	Islamic Family Law and Justice For Muslim Women
5.	Perkahwinan dan perceraian di bawah Undang-undang Islam
6.	Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN
7.	Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga
8.	Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga

Apabila membicarakan undang-undang perkahwinan, sekaligus ia juga membicarakan enakmen undang-undang keluarga Islam. Setiap negeri mempunyai Enakmen Keluarga Islam yang tersendiri dan masing-masing merujuk kepada mazhab Syafii. Menurut Raihanah Azahari (2007),⁹⁸ Enakmen undang-undang keluarga Islam mula digubal oleh Kerajaan Selangor pada 1952 kemudian diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Enakmen-enakmen itu ialah seperti berikut:

- a. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Selangor, 3/1952, 4/1960, 7/1961, 8/1962.
- b. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Terengganu, 4/1955, 2/1964.
- c. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Agama Islam, Pahang, 5/1956, 2/1960, 14/1960, 12/1963.
- d. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Melaka, 1/1959.
- e. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pulau Pinang, 3/1959.
- f. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Negeri Sembilan, 15/1960.
- g. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Kedah, 9/1962, 1/1963, 8/1965/1978.
- h. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perlis, 3/1964.
- i. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Perak, 11/1965.
- j. Enakmen Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Kelantan, 12/1966.
- k. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Johor, 14/1978.

⁹⁸ Raihanah Azahari, "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-undang Keluarga Islam: Satu Realiti", *Jurnal Fiqh* 4 (Universiti Malaya, 2007), 253-254.

Beliau kemudian memetik ulasan Profesor Hooker tentang penggubalan enakmen undang-undang ini telah menyebut:

“Enakmen-enakmen ini telah menyediakan peruntukan pentadbiran Undang-undang untuk orang Islam secara umum dalam bidang pentadbiran awam dan persendirian. Akta-akta tersebut telah menjelaskan hubungan antara agama Islam dengan Negeri dan juga cuba menentukan asas ‘undang-undang untuk orang Islam’ bagi orang Islam di Semenanjung Malaysia. Antara prinsip-prinsip struktur yang menjadi asas kepada kewujudan undang-undang untuk orang Islam di Semenanjung Malaysia ialah pernyataan semula secara statutori rukun-rukun asas Islam yang berkaitan dengan undang-undang keluarga, sebahagian undang-undang harta dan kesalahan agama orang Islam. Peraturan khusus yang ditetapkan itu diambil daripada amalan ortodoks mazhab Syafii kerana amalan ini difahami dan dipakai dalam sistem pentadbiran serta mahkamah di Negeri-negeri Melayu sebelum perang”.

Kenyataan ini menjelaskan lagi bahawa mazhab syafii sememangnya menjadi rujukan asas dalam penggubalan Undang-undang Keluarga Islam era 60-an atau di awal kemerdekaan Malaysia.

4.4 ANALISIS MENGIKUT TAHUN PENERBITAN

Sebelum pengkaji membuat analisis terhadap karya mengikut tema di atas, pengkaji ingin merujuk kepada jumlah penerbitan mengikut tahun. Dari 32 buah karya yang dihasilkan sepanjang 10 tahun (1998-2008), pengkaji mendapati pada tahun 1998, hanya terdapat dua buah karya sahaja yang dihasilkan iaitu *Marriage and Divorce Under Islamic Law*, pengarangnya ialah Nik Noriani Nik Badli Shah. Sebuah lagi karya iaitu *Pernikahan dan Perkahwinan yang Membahagiakan*, hasil penulisan Abdul Aziz Salim Basyarahil.

Kemudian pada tahun 1999, tiada satu karya berkenaan dengan munakahat diterbitkan di Malaysia. Pada tahun 2000 pula, terdapat lima karya yang telah dihasilkan iaitu *Perkahwinan dalam Islam* hasil tulisan Hj. Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan, *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara Asean* oleh Abdul Monir Yaacob, *Pengenalan Hukum Nikah Kahwin* tulisan Haji Taib Azamuddin Md. Taib & Hajah Aminah Haji Zakaria dan *Hitam Putih Poligami* oleh Syeikh Ahmad Faisol B. Haji Omar.

Namun pada tahun 2001, jumlah penerbitan karya munakahat menurun kepada tiga buah, iaitu *Pendidikan Rumah tangga* oleh Saedah Siraj, *Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah* karangan Syeikh Muhammad 'Ali al-Sabuni dan *Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumahtangga* hasil nukilan Jauhari Insani.

Kemudian pada tahun 2002, pengkaji mendapati penulisan karya kembali aktif di mana jumlah yang dihasilkan meningkat sebanyak tujuh buah karya dan ia menjadi tahun yang terbanyak dihasilkan karya berkaitan dengan munakahat.

Karya-karya tersebut adalah seperti berikut: *Perkahwinan Dalam Islam* karangan Hj. Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan, *Perkahwinan Dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam* hasil nukilan Nik Noriani Nik Badli Shah, *Kursus Perkahwinan Dan Kekeluargaan Menurut Islam* oleh Abu Nur Fatimah Hanani dan Abu Nur Sakinah An-Najiyah, *Panduan Lengkap Bakal Pengantin dan Keluarga Bahagia* karya Haji Zakaria Bin Haji Ahmad Wan Besar, *Islam Dan Perancangan Keluarga* oleh Zainah Anwar &

Dr. Rashidah Shuib serta *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam* karangan Zaleha Muhamat.

Pada tahun 2003 pula, karya yang dihasilkan adalah enam buah sahaja, iaitu *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam* tulisan Salleh Ismail, *Panduan Mencari Nafkah Yang Diberkati* merupakan karya yang dihasilkan oleh Muhammad Hafizuddin Thani, *Islamic Family Law And Justice For Muslim Women* oleh Hjh. Nik Noriani Nik Badli Shah, *Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga, Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga* kedua-duanya adalah nukilan Dr. Muhd. Fauzi Muhammad dan karya *Formula Mengatasi Krisis Rumahtangga* karangan Haarun Arrasyid Hj. Tuskan. Pada tahun 2004 pula, pengkaji mendapati hanya satu karya yang diterbitkan iaitu *Poligami Monogami* karya tulisan Mustaffa Suhaimi.

Namun pada tahun 2005, pengkaji mendapati tiada karya fiqh munakahat yang diterbitkan. Kemudian pada tahun 2006, penerbitan karya dalam bidang ini meningkat kepada lima buah karya, iaitu *Munakahat, Undang-undang Prosedur* karangan Hj Mohd Redzuan Ibrahim, *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan*, tulisan Mat Saad Abd, Rahman, *Perceraian Secara Fasakh: Konsep dan Amalan di Malaysia* oleh Nurhidayah Muhd Hashim dan *Soal jawab remeh temeh tentang nikah kahwin tapi anda malu bertanya* tulisan Ustaz Mohammad Nidzham Abdul Kadir.


Pada tahun 2007, keadaan tahun 2005 berulang lagi, di mana tiada karya yang diterbitkan pada tahun berkenaan. Akhirnya pada tahun 2008, pengkaji mendapati terdapat tiga buah karya yang telah dihasilkan iaitu *Soal jawab mudamu ditentang percintaan & pertunangan, Antara halal dan haram* dan *Memahami Hukum Zihar dan Ila'*, kedua-duanya adalah karangan Juraish Kamaruddin al-Muhami, *140 masalah keluarga & bagaimanacara mengatasinya* karya yang ditulis oleh Abu Muhammad Nabil bin Muhammad Mahmud (Asmaji Aes Muchtar dan Alamul Huda).

Pengkaji mengeluarkan fakta di atas dalam bentuk jadual dan graf untuk menampakan unjuran penerbitan karya fiqh munakahat sepanjang sepuluh tahun:

Jadual 8: Jumlah Karya Fiqh Munakahat Mengikut Tahun Terbitan

Tahun Penerbitan	Jumlah Karya
1998	2
1999	-
2000	5
2001	3
2002	7
2003	6
2004	1
2005	-
2006	5
2007	-
2008	3
Jumlah	32

Graf 1: Hasil Karya Fiqh Munakahat Mengikut Tahun Terbitan



Jadual dan graf di atas, jelas menunjukkan bahawa penulisan aktif berlaku pada tahun 2002, iaitu sebanyak tujuh buah. Ini ada kemungkinan pada masa itu terdapat beberapa isu yang menarik minat masyarakat untuk mengetahui tentang perkara yang berkaitan seperti perceraian melalui sistem perkhidmatan pesanan ringkas (sms), undang-undang poligami yang tidak sama antara negeri-negeri di Malaysia, hak penjagaan, taraf *wali mujbir* dan sebagainya. Jadi secara reflektifnya, maka telah mengundang kepada penulisan dalam bidang-bidang mengikut tema yang tersebut.

Kalau diperhatikan, karya yang dihasilkan pada tahun berkenaan dalah merujuk kepada beberapa isu antaranya: *Perkahwinan Dalam Islam* karangan Hj. Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan, dengan jelas mengupas isu-isu perkahwinan secara terperinci menurut

mazhab Syafii dan ia secara tidak langsung menjawab persoalan yang berlaku pada ketika itu.

Begitu juga karya yang bertajuk *Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam* hasil nukilan Nik Noriani Nik Badli Shah. Ia menghuraikan perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian dari sudut perundangan Islam. Beliau mengkritik perundangan yang berasaskan kepada mazhab Syafii. Maka buku ini telah memberi satu fenomena terhadap aliran pemikiran tradisional yang sedia diikuti oleh masyarakat Malaysia. Kemudian pengkaji mendapati satu karya *analitik* berkaitan dengan isu poligami yang tidak seragam di antara negeri-negeri di Malaysia, karya yang dimaksudkan adalah *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam* karangan Zaleha Muhamat. Ia turut menjelaskan keadaan mereka yang berpoligami dan menghuraikan poligami yang turut diamalkan di Malaysia.

4.5 ANALISIS KARYA FIQH MUNAKAHAT DALAM ALIRAN PEMIKIRAN

Berikutnya pengkaji telah membuat analisa terhadap karya untuk mengesan aliran pemikiran yang terdapat dalam karya-karya yang telah dihasilkan. Aliran pemikiran di Malaysia pada zaman sebelum kemerdekaan adalah bersifat tradisional, tetapi selepas pasca kemerdekaan muncul lagi aliran pemikiran reformis. Kedua-dua aliran ini lebih dikenali dengan kaum tua untuk puak tradisional dan kaum muda untuk golongan reformis.

Sebelum abad ke-20M, masyarakat Islam di Malaysia boleh dikatakan berada dalam satu aliran pemikiran, iaitu apa yang dikenali sebagai aliran tradisionalisme berasaskan mazhab Syafii. Sejak masyarakat Melayu memeluk Islam pada abad ke-13M, hinggalah ke penghujung abad 19M, iaitu selama hampir 700 tahun lamanya, aliran *tradisionalisme* ini belum pernah dicabar oleh mana-mana aliran lain. Pada awal abad ke-20M, sejarah menyaksikan aliran tradisionalisme ini telah dicabar secara serius buat pertamakalinya oleh aliran *reformisme* atau *modernisme* dengan munculnya majalah *Al-Imam* pada 1906. Aliran ini berkembang pesat walaupun ditentang hebat oleh majoriti masyarakat Melayu Muslim yang beraliran *tradisionalisme*.

Dengan munculnya banyak gerakan dakwah yang mendukung pelbagai aliran pemikiran pada dekad-dekad awal selepas kemerdekaan, aliran tradisionalis semakin disaingi. Sehingga kini kita menyaksikan terdapat pelbagai aliran pemikiran Islam yang didukung oleh umat Islam di Malaysia seperti *fundamentalisme*, *neo-tradisionalisme*, *neomedoernisme*, *salafi/wahhabi*, *liberalisme*, *rasionalisme*, *sekularisme* dan lain-lainnya selain dari *tradisionalisme* dan *reformisme/modernisme* yang telah sedia wujud dan dominan sebelumnya. Kewujudan berbagai aliran pemikiran yang didokong oleh pelbagai organisasi ini tidak dapat dinafikan telah mencetuskan *ikhtilaf* dalam pelbagai aspek, bermula dari soal-soal akidah, ibadat, munakahat, muamalat, pendidikan, ekonomi, hinggalah soal-soal berhubung sosial dan politik.

Sikap keterbukaan masyarakat dan juga telah mengundang kehadiran aliran-aliran yang membawa unsur-unsur negatif dan ekstrim atau yang menyalahi fahaman akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, seperti kumpulan-kumpulan yang memilih militan


sebagai wasilah dalam agenda perjuangan atau kumpulan anti hadis dan kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang telah melakukan pelbagai penyelewengan dalam agama. Kumpulan-kumpulan ini walaupun dari satu aspek dilihat sebagai telah terlibat dalam menyemarakkan ikhtilaf, tetapi mereka lebih dianggap sebagai aliran yang telah terkeluar dari lingkungan ikhtilaf yang dibenarkan dan juga gagal meninggalkan pengaruh yang berkesan dalam masyarakat.

Sememangnya pengaruh mazhab Syafii dalam bidang munakahat di Malaysia sangat kuat dan ia menjadi sandaran utama dalam setiap perbincangan tentang perkahwinan dan perceraian. Jadi tidak hairanlah sekiranya dalam penulisan karya fiqh munakahat juga terkesan dengan pengaruh mazhab Syafii yang sudah bertapak di alam Melayu sejak abad ke-19 lagi.

Pengkaji telah meneliti dalam setiap karya dan mendapati 28 buah karya menggunakan pandangan mazhab Syafii dalam mengeluarkan hukum yang berkaitan dengan perkahwinan sama ada pembentukannya atau pembubarannya. Tema panduan perkahwinan dan tema perkahwinan dan perceraian adalah yang terbanyak menggunakan pandangan mazhab Syafii ini.

Namun penulisan dalam tema poligami dan undang-undang perkahwinan dapat dikesan adanya pengaruh *feminisme* dalam tulisan mereka. Carta di bawah ini menunjukkan aliran tradisional masih lagi dominan kerana 87% karya yang dihasilkan masih merujuk kepada mazhab Syafii berbanding hanya 13% sahaja yang bertentangan dengan aliran pemikiran mazhab Syafii

Carta 3: Fiqh Munakahat Mengikut Aliran Pemikiran



Antara karya mereka yang mencabar kewibawaan aliran pemikiran mazhab Syafii adalah seperti berikut:

1. *Islam and Polygamy* tulisan Zaitun Mohamed Kasim.
2. *Islam dan Perancangan Keluarga* tulisan Zainah Anwar & Dr. Rashidah Shuib.
3. *Islamic Family Law and Justice For Muslim Women* tulisan Hjh. Nik Noriani Nik Badli Shah
4. *Marriage and Divorce Under Islamic Law, Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam* tulisan Nik Noriani Nik Badli Shah.

Kesemua karya ini telah ditulis oleh pendokong perjuangan *Sister In Islam* atau SIS yang memperjuangkan nasib golongan wanita yang mereka beranggapan bahawa undang-undang keluarga Islam juga *bias* kepada lelaki dan mempergunakan wanita

untuk pelbagai tujuan seperti memuaskan nafsu, hamba dalam rumah tangga dan mereka juga mempersoalkan tentang pembahagian harta pusaka di mana orang lelaki mendapat dua bahagian sedangkan perempuan hanya memperolehi satu bahagian.

Daripada penelitian pengkaji, walaupun jumlah karya atau buku yang dihasilkan oleh SIS itu hanya empat buah sahaja, namun ia mampu berkembang pada masa akan datang, kerana mereka sering menggunakan hujah akal dalam membahaskan isu yang menyentuh persoalan keadilan kepada wanita. Bahaya gerakan ini kerana banyak dalam hujah mereka seringkali salah tafsir maksud al-Quran dan al-Hadis Nabi SAW.

Majoriti karya yang dihasilkan menunjukkan aliran pemikiran mazhab syafii masih dominan. Walaupun ada beberapa buah karya mempunyai perbezaan pandangan dengan mazhab syafii, tetapi kedudukannya dalam sistem hukum kekeluargaan Islam masih lagi masyarakat Malaysia berpegang dengan aliran mazhab tradisional ini.

4.6 PENUTUP

Daripada analisis berkaitan dengan karya fiqh munakahat ini, ia telah menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan hasil penulisan lebih bersifat ilmiah atau popular, tema dalam penulisan karya dan penulisan yang terikat dengan pendekatan bermazhab sertatahun penerbitan.

Sepanjang tempoh penyelidikan, pengkaji mendapati penulisan karya fiqh munakahat dapat dibahagikan kepada empat tema utama, iaitu panduan perkahwinan,

perkahwinan dan perceraian, poligami dan undang-undang perkahwinan. Kemudian pengkaji menentukan kedudukan tema yang terbanyak yang ditulis oleh para penulis.

Begitu juga dengan tahun penerbitan, pengkaji telah mendapati tahun 2002 merupakan tahun yang aktif dalam penulisan karya fiqh munakahat. Pengkaji berpendapat bahawa pada tahun berkenaan, terdapat beberapa isu nasional berkaitan dengan munakahat seperti bercerai melalui sistem khidmat pesanan ringkas (sms). Ini menunjukkan bahawa penulis juga bergantung kepada isu yang timbul dalam masyarakat untuk menulis sebagai memberi jawapan kepada sesuatu isu yang timbul.

Kemudian, pengkaji mendapati penulisan karya fiqh munakahat masih banyak bergantung kepada mazhab Syafii. Terutama dalam membicarakan tema perkahwinan dan perceraian. Ia selari dengan pegangan aliran mazhab yang sudah berakar umbi dalam masyarakat Malaysia khususnya.

BAB 5

KESIMPULAN DAN SARANAN

5.1 PENDAHULUAN

Tajuk kajian ini adalah “*Analisis Karya Fiqh Munakahat di Malaysia 1998-2008*”. Ia merupakan satu kajian tentang karya fiqh yang diterbitkan di Malaysia sepanjang 10 tahun. Penulis telah berjaya mengumpul 32 buah karya yang berkaitan dengan tajuk ini. Pencarian pengkaji terhadap tajuk ini dimulai dengan mengkaji sejarah penerbitan di Malaysia. Dari sinilah pengkaji mendapati bahawa peranan penerbit dan penulis dalam menghasilkan suatu karya adalah sangat berat risikonya. Ia melibatkan kos yang agak tinggi. Sekiranya karya tersebut tidak laris dipasaran, kos pasti ditanggung oleh penerbit. Lantaran itu ramai dalam kalangan mereka tidak berani mengambil risiko ini.

Dari pemerhatian pengkaji, pola penerbitan buku-buku agama kelihatan agak baik, termasuk dalam bidang munakahat. Ia menjadi bahan bacaan yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia. Buku-buku munakahat kebanyakannya dibeli oleh mudamudi yang hendak mendirikan rumah tangga, juga oleh guru-guru atau pensyarah di sekolah atau universiti untuk menjadi bahan pengajaran atau rujukan mereka.

Sehubungan dengan itu, pada bab ini, pengkaji akan membuat beberapa kesimpulan dan saranan terhadap tajuk perbincangan ini. Kesimpulan ini penting kerana ia merupakan rumusan akhir pada perbincangan ini. Adalah menjadi harapan pengkaji agar kesimpulan dan saranan ini dapat memberi gambaran sebenar terhadap karya fiqh

munakahat di Malaysia, agar membuka mata banyak pihak tentang kepentingan penerbitan buku atau karya yang berkaitan.

5.2 DAPATAN

Dari karya-karya yang dikaji, pengkaji mendapati penulisan karya dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu ilmiah dan popular. Penulisan popular terdapat dalam karya yang membicarakan persoalan semasa seperti poligami yang telah membuka perbincangan terhadap keharusan poligami, begitu juga dalam pembubaran perkahwinan, *Sister In Islam* (SIS) menyatakan pembelaan kepada wanita yang teraniya kerana perceraian. Manakala penulisan popular pula merupakan karya saduran atau terjemahan memberi kupasan yang tidak terlalu ilmiah. Hal ini agak malang kerana ia gagal mendidik masyarakat agar memilih bahan yang berotoriti dalam soal hukum Islam. Ini kerana soal auotoriti sangat dititik beratkan dalam hukum Islam bagi memastikan ketepatan bahan yang dikaji atau menggunakan pandangan ulama yang sedia ada tanpa ada ulasan yang menyokong atau menolak pandangan ulama terdahulu. Pengkaji mendapati karya popular banyak ditulis dalam tema panduan perkahwinan.

Kemudian, pengkaji dapati terdapat empat tema yang khusus dalam karya fiqh munakahat sepanjang 10 tahun, iaitu panduan perkahwinan, pembentukan dan pembubaran perkahwinan, poligami dan undang-undang perkahwinan. Tema panduan perkahwinan paling banyak dihasilkan iaitu sepuluh buah karya, sedangkan pembentukan dan pembubaran perkahwinan serta undang-undang perkahwinan masing-masing lapan buah karya dan poligami sebanyak enam buah karya.

Kemudian pengkaji meneliti aliran pemikiran yang terdapat dalam karya-karya berkenaan dan mendapati aliran pemikiran mazhab Syafii masih lagi menguasai pemikiran umat Islam di Malaysia. Terdapat 28 karya yang mengekalkan pandangan daripada ulama Syafii dan hanya empat buah sahaja yang memberi pandangan yang keluar dari aliran pemikiran Syafii, iaitu aliran Islam Liberal yang menggunakan nama Sister In Islam. Perjuangan mereka adalah bertujuan memberi hak kesamarataan kepada wanita yang dianggap mangsa penindasan lelaki. Lalu karya-karya yang diterbitkan pun adalah atas maksud tersebut, seperti dalam buku *Islam and Poligamy* penulis menyatakan Islam tidak sepatutnya memberi kelonggaran kepada lelaki untuk berpoligami dengan mudah. Pengkaji mendapati sekiranya kumpulan ini berjaya mengembangkan pandangan mereka melalui penerbitan buku dan penghasilan karya, pengkaji bimbang umat Islam di Malaysia akan keliru dengan hukum-hukum yang telah disepakati oleh para ulama.

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Malaysia menerima baik terhadap karya fiqh munakahat. Ini kerana ia juga menekankan dan menjawab keperluan masyarakat semasa sama seperti fiqh Ibadah, fiqh Mu'amalah dan sebagainya.

Akhirnya, harapan pengkaji supaya kajian ini menjadi inspirasi kepada pengkaji yang ingin membuat kajian kepada analisis kandungan (*content analysis*) berkaitan dengan karya fiqh munakahat. Semoga selepas ini akan bertambah penulisan dan karya tentang munakahat berpandukan kepada empat tema yang dilabelkan oleh pengkaji.

Masyarakat perlu diberikan ilmu yang berkaitan dengan perkahwinan dan perkara yang berkaitan dengannya, pendidikan melalui buku akan memberi panduan yang jelas kepada mereka yang mahu berkahwin.

5.3 KESIMPULAN

Penulisan karya fiqh munakahat di Malaysia sekitar tahun 1998 hingga 2008 telah mendedahkan secara terperinci berkaitan dengan penulisan berkenaan. Pengkaji telah membuat pembacaan berkaitan dengan tajuk disertasi ini dan tidak mendapati penulisan tesis atau disertasi yang berkenaan.

Penulisan dalam bidang munakahat agak terbatas, pengkaji mendapati kebanyakan penulisan dalam bidang fiqh ini menjurus kepada bidang ibadah yang khusus seperti solat, puasa dan haji. Namun begitu, bidang munakahat ada juga disentuh secara bersama dengan tajuk muamalat dan faraid seperti dalam karya *Mir'āt al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifāt al-Aḥkām al-Syarī'ah* karangan Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī yang ditulis dalam tahun 1672 masihi.

Antara karya lain yang turut membicarakan persoalan munakahat adalah karya oleh Syaykh Daud bin Abd Allah al-Patani iaitu *Furū' al-Masa'il* di samping memperkatakan soal ibadah, muamalah dan jenayah.

Kemudian pengkaji mendapati terdapat sebuah karya yang membicarakan secara khusus tentang munakahat iaitu karya yang bertajuk *Hidāyah al-Nikāh*, karangan Tuan Hussien pada tahun 1923 masihi.

Penulisan munakahat ini juga tidak terlepas dari perbahasan mazhab, semenjak abad ke-20 lagi penulisan terbahagi kepada dua bentuk iaitu penulisan tidak khilafiah dan penulisan khilafiah.

Penulisan tidak khilafiah merupakan tulisan yang hanya menggunakan satu mazhab sahaja, dan boleh dikatakan penulisan sebelum merdeka menggunakan bentuk ini. Namun pada tahun kajian, pengkaji mendapati penulisan dalam bidang munakahat ini mula bercampur antara dua bentuk tersebut.

Pengkaji telah dapat mengumpulkan sebanyak 32 buah karya fiqh munakahat sepanjang tahun kajian. Kemudian pembahagian tema telah dibuat setelah diteliti akan isi kandungannya. Maka terhasil empat tema utama iaitu, tema panduan perkahwinan, tema perkahwinan dan perceraian, tema poligami dan tema undang-undang perkahwinan.

Kemudian pengkaji melihat perkembangan penerbitan karya-karya fiqh di Malaysia. Pengkaji telah membaca kebanyakannya tulisan oleh Dr. Hamed Mohd Adnan yang telah menceritakan senario penerbitan buku di Malaysia secara umum. Namun dinyatakan juga tentang buku agama secara keseluruhannya sangat mengecewakan. Beberapa usaha telah dilakukan oleh berbagai

pihak yang bertanggungjawab untuk menjadikan Malaysia sebagai gedung penerbitan buku. Masalah antara penulis dan penerbit juga telah dikenalpasti, iaitu penulis perlulah menulis hasil karya yang bermutu dan penerbit tidak terlalu memikirkan tentang komersil dalam penerbitannya.

Budaya membaca dalam kalangan masyarakat juga sangat terbatas, sehingga kerajaan perlu menjalankan kempen budaya membaca amalan kita. Sikap ini perlu dihakis oleh masyarakat Malaysia sekiranya mahu menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun. Ini kerana tamadun satu bangsa itu berkai rapat dengan masyarakat yang berilmu.

Kemudian dalam bab ketiga, pengkaji menyenaraikan kesemua karya yang diterbitkan dalam tahun 1998-2008 dan membuat ulasan kepada hasil karya penulis berkenaan. Dari situlah, pengkaji dapat meneliti dan seterusnya membuat analisis dalam bab keempat tentang klasifikasi karya sama ada ianya ilmiah atau popular kemudian pembahagian tema, analisis tentang tahun penerbitan dan analisis tentang pendekatan mazhab dalam penulisan karya fiqh munakahat.

Pengkaji telah mengkategorikan karya-karya tersebut kepada empat tema utama, iaitu: panduan perkahwinan, pembentukan dan pembubaran perkahwinan, poligami dan undang-undang perkahwinan. Pengkaji mendapati tema perkahwinan dan perceraian popular di kalangan penulis.

Satu perkara yang menarik perhatian pengkaji ialah dalam penulisan karya fiqh munakahat sepanjang 10 tahun itu masih lagi menggunakan pendekatan mazhab Syafii. Tetapi dalam penulisan yang bertemakan poligami dan undang-undang perkahwinan, pendekatan mazhab Syafii banyak dipertikaikan oleh SIS bahkan mereka membicarakan isu-isu semasa yang merujuk kepada kes di mahkamah.

Akhirnya, pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhannya, penulisan karya fiqh munakahat ini perlu kepada transformasi dalam menghasilkan penulisan yang bermutu. Ia perlu ditulis secara kreatif dan kritis dengan melihat isu-isu semasa dan menjadikan khazanah hukum empat mazhab sebagai panduan.

5.4 SARANAN

Daripada kesimpulan yang dibuat, pengkaji ingin membuat beberapa saranan tentang penghasilan karya fiqh munakahat, khususnya di Malaysia. Antara saranan berikut adalah:

- a. Penulis atau karyawan perlu memperkayakan lagi penulisan karya fiqh munakahat yang bersifat kritis terhadap isu semasa dan bukan hanya mengulangi sahaja pandangan para ulama silam bahkan perlumengupas isu-isu semasa dengan tidak mengenenpikan pandangan ulama silam berkenaan.

Penghasilan karya tersebut perlu kepada perubahan seperti dimasukkan ilustrasi dan gambar-gambar dalam karya mereka. Ini bertujuan untuk menarik minat golongan muda mudi untuk membaca karya berkenaan.

Pengkaji juga mencadangkan supaya buku atau karya tersebut menggunakan bahasa yang mudah dan isi kandungannya tidaklah padat serta penghujahan mazhab perlu kepada pentarjihan.

- b. Para penerbit juga seharusnya memainkan peranannya untuk menerbitkan karya yang bermutu dan ilmiah dalam bidang munakahat. Penerbit juga tidak sepatutnya melihat sesuatu karya yang dihasilkan bukan untuk komersil dan popular sahaja tetapi memenuhi kehendak masyarakat dengan menyampaikan ilmu berkenaan secara ilmiah. Penerbit perlulah merealisasikan inspirasi kerajaan yang telah melancarkan kempen budaya membaca ini dengan memberi inisiatif kepada penulis yang menghasilkan penulisan yang bermutu.

- c. Peranan badan yang berwajib seperti Pejabat Agama, Jabatan Mufti dan JAKIM perlu disepadukan pengajaran kepada masyarakat agar mereka tidak keliru tentang hukum yang kadang-kadang berbeza antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Begitu juga Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mengawal sesuatu penerbitan dan buku yang dibawa masuk ke Malaysia, sepatutnya membuat tapisan yang ketat terhadap karya yang mengancam pegangan hukum Islam yang sedia ada, seperti karya "*Perkahwinan dan Perceraian di bawah Undang-undang Islam*" karangan Nik Noraini Badli Shah yang membawa fahaman *feminisme* yang merupakan *bias gender* terhadap hukum Islam yang melibatkan golongan wanita. Dalam masalah poligami contohnya; masyarakat menjadi keliru apabila berlaku

percanggahan pandangan antara golongan *tradisionalisme* yang berpegang kepada al-Quran dan al-Hadis dengan golongan *Sekularisme* yang menggunakan nama Islam Liberal dan berselindung di sebalik nama NGO seperti *Sister In Islam* yang banyak menggunakan akal dalam berhujah.

- d. Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) juga perlu memperbanyakkan hasil penterjemahan buku-buku dari bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan persoalan munakahat ke dalam bahasa Malaysia. Apabila banyak buku yang diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda ini, maka ia membuka ruang kepada penulis untuk membuat rujukan tentang sesuatu tajuk yang hendak ditulis.
- e. Penulisan ilmiah di kalangan ahli akademik seperti pensyarah universiti tempatan juga amat dituntut oleh masyarakat. Tidak dinafikan bahawa karya yang dihasilkan oleh pensyarah universiti agak sukar difahami, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat dijadikan panduan dan bahan rujukan kepada para pelajar di universiti berkenaan.

BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm

Bahasa Arab

Abū Jayb, Sa‘dī. *Al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭilāḥan*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1988.

Abū Zuhrah, Muḥammad. *Al-Aḥwāl al-Syakhṣiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr, 1975.

‘Abd al-Karīm Zaydān. *Al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslimīn fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1993.

Al-‘Adawī ‘Abd al-Raḥman. *Al-Mufīd fī al-Fiqh al-Islāmī Aḥkām al-Zawāj*. Kaherah: Dār al-Ṭibā‘ah al-Mūhammadiyah, 1986.

Al-Bājurī, Ibrāhīm. *Ḥāsiyyah al-Bājurī ‘Alā Ibn Qāsim al-Ghizzī*. Indonesia: Maktabah Dahlan, t. t.

Al-Bughā, Muṣṭafā. *Al-Fiqh al-Manhajī ‘Alā Madhhab al-Imām al-Syāfi‘ī*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1987.

Al-Jazā’irī, Abū Bakr Jābir. *Minhāj al-Muslim*. Iskandariyyah: Dār ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, 1978.

Al-Jazīrī, ‘Abd al-Raḥman. *al-Fiqh ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Ed. 7. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1986.

Al-Naysābūrī, Muslim Ibn Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār al-Fikr li al-Nasyr wa al-Ṭibā‘ah, 2004.

Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Ibn Syaraf. *Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*. Bayrūt: Dār al-Fikr, t. t.

Al-Qurtūbī, Ibn Rusyd. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1986.

Al-Sajastānī, Abū Dāwūd Ibn Sulaymān Ibn al-Ash‘ath. *Sunan Abī Dāwūd*. Turki: Cagri Yayainlari, 1981.

Al-Syarbinī, Muḥammad Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Bayrūt: Dār al-Fikr, t. t.

Al-Syarqāwī, ‘Abd Allāh Ibn Ḥijāz Ibn Ibrāhīm. *Ḥāshiyah al-Syarqāwī*. Bayrūt: Dār al-Fikr, t. t.

Al-Zuḥaylī, Muḥammad. *Al-Mu‘tamad fī al-Fiqh al-Syāfi‘ī*. Dimashq: Dār al-Qalam, 2007.

Al-Zuḥaylī, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1986.

Ismā‘il, Muḥammad Bakr. *Al-Fiqh al-Wāḍiḥ min al-Kitāb wa al-Sunnah ‘Alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*. Kaherah: Dār al-Mannār, 1990.

Muḥammad Salam Madkur. *Al-Wajīz li Aḥkām al-Usrah fī al-Islām*. Kaherah: Dār al-Nahḍah, 1978.

Sayyid Sābiq. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Turāth al-‘Arabī, t. t.

Syalṭūṭ, Maḥmūd. *Al-Islām Syarī‘atan wa ‘Aqīdatan*. Kaherah: Dār al-Qalam, t. t.

Bahasa Melayu

Abd. Kadir Hj. Abdullah Hassan. *Perkahwinan dalam Islam*. Wilayah Persekutuan: Al-Hidayah Publishers, 2002.

- Abdul Aziz Salim Basyarahil. *Pernikahan dan Perkahwinan yang Membahagiakan*. Johor: Perniagaan Jahabersa, 1998.
- Abdul Halim El-Muhammady. *Perbezaan Aliran Mazhab Fiqh: Perkembangan dan Masalah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1986.
- Abdul Kadir Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Abdul Khairy al-Latifi. *Fiqh Perkahwinan Menurut Mazhab Imam as-Syafi'e*. Wilayah Persekutuan: Al-Hidayah Publishers, 2000.
- Abdul Monir Yaacob. *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita Di Negara-Negara ASEAN*. Wilayah Persekutuan: IKIM Kuala Lumpur, 2000.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara : Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Abu Muhammad Nabil Muhammad Mahmud. *140 Masalah Keluarga & Bagaimana Cara Mengatasinya*. Johor: Perniagaan Jahabersa, 2008.
- Abu Nur Fatimah Hanani dan Abu Nur Sakinah al-Najiyah. *Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2000.
- Ahmad Faisol Hj. Omar. *Hitam Putih Poligami*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2000.
- Ahmad Mahir Haji Ismail. "Suluhan Awam Memperkatakan Fardhu Ain dan Ibadat (jawi)". Dalam Abdul Kadir Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Auni Hj. Abdullah. *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd., 2005.
- Azizan Baharuddin. *Wanita: Hakikat dan Realiti*. Kuala Lumpur: IKD, 1985.

- Cik Hasan Bisri. *Model Penelitian Fiqh: Paradigma Penelitian Fiqh dan Fiqh Penelitian*, Bogor: Penerbitan Kencana, 2003.
- Hamed Mohd Adnan. *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996.
- Hamed Mohd Adnan. *Pengantar Penerbitan Buku*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya, 1997.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*, Surabaya: Penerbit Khairul Bayan, 2004.
- Harun Arassyid Hj. Tuskan. *Formula Mengatasi Krisis Rumahtangga*. Wilayah Persekutuan: Zebra Edition Sdn. Bhd., 2003.
- Ismail Hamid, "Sastera Kitab". Dalam Zalila Sharif dan Jamaliah Hj. Ahmad (ed.). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Jauhari Insani. *Bisik-bisik Perkahwinan Bimbingan ke Arah Keharmonian Rumahtangga* Selangor: Pustaka Ilmi, 2001.
- Juraish Kamaruddin. *Soal Jawab Muda Mudi Tentang Percintaan & Pertunangan, Antara Halal dan Haram*. Selangor: Darul Minhaj Publisher, 2008.
- Juraish Kamaruddin. *Memahami Hukum Zihar dan Ila'*. Selangor: Darul Minhaj Publisher, 2008.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.
- _____. *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

- Mat Saad Abd. Rahman. *Undang-undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan*. Selangor: Intel Multimedia and Publication, 2006.
- Mohd Redzuan Ibrahim. *Munakahat: Undang-undang Prosedu*. Selangor: DRI Publishing House, 2006.
- Muhammad Hafizuddin Thani. *Panduan Mencari Nafkah Yang Diberkati*. Wilayah Persekutuan: Penerbitan Seribu Dinar, 2003.
- Muhammad 'Ali al-Sabuni. *Salah Faham Terhadap Poligami Rasulullah*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2001.
- Mohammad Nidzham Abd Kadir. *Soal Jawab Remeh Temeh tentang Nikah Kahwin Tapi Anda Malu Bertanya*. Wilayah Persekutuan: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2006.
- Mohammad Som Sujiman dan Abdul Basir Mohamad. *Fiqh Kekeluargaan*. Wilayah Persekutuan: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Atarabangsa, 2006.
- Muhd Fauzi Muhammad. *Undang-undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd., 2003.
- Muhd Fauzi Muhammad. *Undang-undang Keluarga Islam Dalam Empat Mazhab: Pembubaran Keluarga*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd., 2003.
- Mustaffa Suhaimi. *Poligami Monogami*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House, 2004.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Nik Noraini Nik Badli Shah. *Perkahwinan dan Perceraian Di Bawah Undang-undang Islam*. Selangor: International Law Book Store, 2002.
- Nurhidayah Muhd Hashim. *Perceraian Secara Fasakh: Konsep Dan Amalan di Malaysia*. Johor: Perniagaan Jahabersa, 2006.

- Saedah Siraj. *Pendidikan Rumahtangga*. Selangor: Alam Pintar Enterprise, 2001.
- Salleh Ismail. *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*. Wilayah Persekutuan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti”. Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1997.
- _____. “Persoalan Gender di dalam Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisis Ringkas”. Dalam *Wanita dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2001.
- _____. “Islam Dan Dialog Peradaban: Konsep Dan Idealisme”. Dalam Azizan Baharuddin (ed.). *Islam Dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban UM, 2006.
- Taib Azamuddin dan Aminah Hj. Zakaria. *Pengenalan Nikah Kahwin*, Wilayah Persekutuan: Pustaka Haji Abdul Majid, 2000.
- Zakaria Hj. Ahmad Wan Besar. *Panduan Lengkap Bakal Pengantin dan Keluarga Bahagia*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2002.
- Zainah Anwar dan Rashidah Shuib. *Islam Dan Perancangan Keluarga*. Wilayah Persekutuan: Sister In Islam, 2002.
- Zaini Nasohah. *Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Wilayah Persekutuan: Utusan Publication, 2000.
- Zaleha Muhamat. *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Wilayah Persekutuan: Utusan Publication, 2002.

Bahasa Inggeris

- Ahmad Ibrahim, “Recent Legislation on Islamic Law in Malaysia”. Dalam *The Law Seminar*. Petaling Jaya: IIUM, 1986.

Kausar, Zeenath. *Feminist Sexual Politics and Family Deconstruction: An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Kurzman, Charles. *Liberal Islam: A Sourcebook*. New York: Oxford University Press., 1998.

Nik Noraini Nik Badlishah. *Islamic Family Law and Justice For Muslim Women*. Wilayah Persekutuan: Sister In Islam, 2003.

Nik Noraini Nik Badli Shah. *Marriage and Divorce under Islamic Law*. Wilayah Persekutuan: Golden Books Centre, 1998.

Zaitun Mohamed Kasim. *Islam and Poligamy*. Wilayah Persekutuan: Sister In Islam, 2002.

Jurnal dan Kertas Kerja

Ghadbian, Najib. "Islamists and Women in the Arab World: From Reaction To Reform". Dalam *The American Journal Of Social Sciences*, V. 12, No. 1, 1996.

Lewis, Bernard. "Islam and Liberal Democracy". Dalam *Atlantic Monthly*. Februari 1993.

Rahimin Affandi Abd. Rahim. "Citra Islam dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden di Malaysia : Suatu Analisa". Dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, vol. 15, 2005.

_____ . "Krisis Remaja dan Media Massa di Malaysia: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam". Dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 10, 1999.

_____ . "Etika Penyelidikan Islam: Suatu Analisa", Dalam *Jurnal Afkar*, V. 1, 2000.

Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2000). "Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia: Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM". Dalam Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Anjuran Fakulti Pendidikan UTM, pada 21hb. Oktober 2003.

Raihanah Azahari. "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Undang-Undang Keluarga Islam: Satu Realiti". *Jurnal Fiqh* 4. Universiti Malaya, 2007.

Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah. "Emansipasi Wanita Di Abad 21: Islam Sebagai Model Perjuangan". Dalam Multaqa Ulama Sedunia, Anjuran YADIM, di Putrajaya pada 10-12hb. Julai 2003.

Akhbar dan Internet

Hamed Mohd Adnan. "Penerbitan Buku Terus Bertahan". *Berita Harian On-line*, 18 Oktober 2007.

Iffa Izyan. "*Realiti Industri Penerbitan Buku Di Malaysia*". Dalam blog: iffaizyanblogspot.com, 2009.

Johan Jaafar. "Jangan Biarkan DBP Sendirian Terbitkan Buku". *Berita Minggu*, 12 Mac 2006.

Mohd Zubil Bahak. "Pelajar Kurang Pendedahan Terhadap Kemahiran Membaca". *Dewan Masyarakat*, Ogos 1997.